



Hujung Minggu

پروڈنی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.53 | SUBUH 5.03 | SYURUK 6.21 | DUHA 6.43 | ZUHUR 12.26 | ASAR 3.28 | MAGHRIB 6.30 | ISYAK 7.39

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 38

29 MAC 2025 / 1446 28 رمضان

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

## BERKENAN HANTAR WARKAH BALASAN

YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar menyembahkan Warkah Balasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kehadapan Majlis Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail pada Majlis Mengadap di Istana Arau, Perlis.

**ARAU, PERLIS, MALAYSIA**, Isnin, 24 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan menghantar Warkah Balasan kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Warkah Balasan berkenaan disembahkan oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar Kehadapan



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Ihsan Istana Perlis

Majlis Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin semasa Majlis Mengadap Kehadapan Majlis Duli Yang

Maha Mulia Raja Perlis di Istana Arau, Perlis.

>> Muka 2

## Majlis 'Sungkai Kasih Ramadan' santuni warga Pusat Ehsan

Oleh : Haniza Abdul Latif

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan Majlis 'Sungkai Kasih Ramadan' bersama kakitangan dan pelajar-pelajar berkeperluan khas dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Bengkurong, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu khas ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

>> Muka 5

## Qiamullail Ramadan : Raih ganjaran 10 malam terakhir

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**KIARONG**, Jumaat, 28 Mac. - Ibadah Qiamullail merupakan amalan sunat yang amat digalakkan dalam Islam, lebih-lebih lagi pada 10 malam terakhir di bulan Ramadan, bertujuan untuk merapatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta memohon keampunan daripada-Nya.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) awal pagi tadi menganjurkan Majlis Qiamullail Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

>> Muka 3

## Kenaikan pangkat pegawai kanan ABDB

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

**BOLKIAH GARISON**, Jumaat, 28 Mac. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seorang Pegawai Kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) diperkenankan untuk dinaikkan pangkat dari Leftenan Kolonel ke Kolonel tetap.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian

Lencana Kenaikan Pangkat telah disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejor Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Hasszaimi bin Bol Hassan bagi kenaikan pangkat Juruiring Tentera kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kolonel Mohammad Salehudin bin Dato Paduka Haji Puasa bertempat di Mes Pegawai Bolkiah Garison pagi tadi.

>> Muka 3

MANISNYA IMAN ایمان

"DARIPADA Abu Hurairah Radhiallahuanhu, Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya : "Jika salah seorang memukul seberkas kayu dibelakangnya adalah lebih baik daripada ia meminta-minta kepada manusia sama ada diberi atau tidak." (Riwayat Imam Al-Bukhari).



## Berita Utama



KHEDN anjur Majlis Takreem Al-Quran

Muka 7



MPABD lancarkan Sistem MSW

Muka 8



PEJABAT Peguam Negara anjur majlis keagamaan

Muka 10



RENCANA

KERAJAAN komited memelihara, memulihara hutan

Muka 27

# Berkenan hantar Warkah Balasan

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

## >> Muka 1

Menyertai Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka

Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin.

Turut serta, Timbalan Setiausaha Tetap di JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali selaku Pemangku Grand Chamberlain

dan Timbalan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Dato Paduka Haji Rosli bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh.

Juga berangkat dan hadir ialah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis; Menteri Besar Perlis, Yang Amat Berhormat Tuan Haji Mohd. Shukri bin Ramli; Setiausaha Kerajaan Negeri

Perlis, Yang Berhormat Dato' Rahimi bin Ismail dan Mufti Perlis, Yang Berbahagia Sahibus Samahah Profesor Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd. Asri bin Zainul Abidin.

Pada 28 Januari 2025 lalu di Istana Nurul Iman, Perutusan Khas Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis yang diketuai oleh Yang Amat Mulia Dato' Seri Diraja Syed Badaruddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Tengku Syarif Bendahara Perlis

telah menyembahkan Warkah Persilaan daripada Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mempersilakan baginda berangkat menghadiri Sambutan Jubli Perak Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis yang akan berlangsung pada 17 April 2025 di Negeri Perlis, Malaysia.



سوروهنجای فرخدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

# PENTING

BARU

**IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP**

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja



**DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR**

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemasini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemasini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
29	SABTU	28	4.53	5.03	6.21	6.43	12.26	3.28	6.30	7.39
30	AHAD	29	4.53	5.03	6.20	6.42	12.26	3.27	6.29	7.39
31	ISNIN <small>*1 SYAWAL</small>	4.52	5.02	6.20	6.42	12.26	3.26	6.29	7.38	
1 APRIL	SELASA	2	4.52	5.02	6.19	6.42	12.25	3.26	6.29	7.38
2	RABU	3	4.51	5.01	6.19	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38
3	KHAMIS	4	4.51	5.01	6.18	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38
4	JUMAAT	5	4.50	5.00	6.18	6.40	12.24	3.26	6.29	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	JUMAAT	AHAD
Bandar Seri Begawan  31 °C 25 °C	 32 °C 25 °C	 32 °C 25 °C
Pekan Bangar  31 °C 25 °C	 32 °C 25 °C	 32 °C 25 °C
Pekan Tutong  31 °C 25 °C	 32 °C 25 °C	 32 °C 25 °C
Kuala Belait  31 °C 25 °C	 32 °C 25 °C	 32 °C 25 °C
Wallauhala Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

## SIDANG PENGARANG

29 MAC 2025

### Sentiasa jaga adab ketika berkunjung

**B**ULAN Ramadan kini sudah berada di penghujungnya dan beberapa hari sahaja lagi menjelangnya Hari Raya Aidilfitri. Sepanjang Syawal ini sudah setentunya banyak undangan rumah terbuka Hari Raya diadakan bagi menjemput ahli keluarga, sanak saudara, sahabat handai sama ada jauh atau dekat. Penganjuran rumah terbuka ini sudah menjadi tradisi dan budaya masyarakat Islam di negara ini kerana di sinilah peluang untuk kita menzahirkan kegembiraan dan kesyukuran setelah berjaya menyempurnakan ibadah puasa selama sebulan. Selain itu, ia merupakan wadah terbaik untuk merapatkan lagi silaturahim dan saling bermaafan sesama insan.

Amalan rumah terbuka juga dimeriahkan lagi dengan ziarah-menziarahi dan kunjung mengunjungi kerana ia memberi manfaat yang amat besar dan membolehkan yang jauh menjadi dekat, yang renggang menjadi rapat, yang bersengketa menjadi damai, dan sebagainya.

Ketika berkunjung, sudah setentunya kita akan disajikan dengan pelbagai jenis hidangan, kuih-muih dan minuman seperti lemang, ketupat, soto, nasi dan pelbagai macam lagi. Namun begitu, kita disarankan agar bijak memilih makanan dan sentiasa mengamalkan pemakanan yang sihat ketika menikmati juadah Hari Raya.

Oleh itu, amalkan pengambilan makanan sihat kerana ia akan membantu kita menikmati makanan semasa musim perayaan tanpa menjadikan kesihatan. Pemakanan yang seimbang adalah kunci untuk tabiat makan yang sihat.

Selain itu dalam keseronokan kita meraikan Hari Raya, adab ketika berkunjung ke rumah orang juga perlu diambil perhatian dan tidak boleh dipandang ringan. Adab bertanding perlu dititikberatkan bagi memastikan hubungan kekeluargaan terus terpelihara.


Sebelum berkunjung, ada baiknya kita maklumkan terlebih dahulu agar tuan rumah dapat menyiapkan diri dan menjangkakan kedatangan kita. Elakkan daripada datang secara tiba-tiba kerana dikhuatiri tuan rumah belum bersedia untuk menerima tetamu atau ada jemputan lain.

Di samping itu, kita hendaklah juga mengenakan pakaian yang kemas dan sopan sesuai dengan budaya kita.

Ketika berada di rumah tempat dikunjungi, pastikan kita berbicara dengan sopan dan elak daripada bertanya apa-apa soalan yang tidak sesuai yang boleh menimbulkan ketidaksesuaian tuan rumah.

Selain itu, tetapkan tempoh masa tertentu bagi memberi ruang kepada tuan rumah untuk melayani tetamu lain. Sebelum beredar, ucapan terima kasih atas layanan mesra tuan rumah agar hubungan baik dan silaturahim terus kekal.

Oleh itu, jika kita menjaga adab ketika berkunjung berhari raya, pasti raya kita akan lebih indah dan meriah. Tuan rumah sudah setentu berasa gembira dansenang hati dapat menjamu tetamu dengan gembira. – Ketua Penyuntingan (Sb)



Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# QIAMULLAIL RAMADAN : RAIH GANJARAN 10 MALAM TERAKHIR

&gt;&gt; Muka 1

Antara yang hadir, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet dan Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri bersama para pegawai kanan, pegawai serta kakitangan dari kementerian-kementerian, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Sunat Tasbih Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Murat, diikuti dengan bacaan Wirid dan Doa Sembahyang Sunat Tasbih.

Acara kemudiannya diakhiri

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

dengan bacaan Doa Munajat dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Awang Haji Haris bin Haji Suboh.

Majlis Qiamullail Ramadan anjuran KHEU berkenaan turut diadakan di beberapa masjid utama di tiga daerah lain, iaitu Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait bagi Daerah Belait; Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong bagi Daerah Tutong; dan Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar bagi Daerah Temburong.

Program antara lain bertujuan sebagai inisiatif untuk menghimpunkan warga

Perkhidmatan Awam (PA) dan pada masa yang sama mengalu-alukan kehadiran orang ramai untuk mengimarahkan masjid-masjid di NBD.

Juga hadir ialah Belia Daie, Belia-Beliawanis Masjid, Muslimah Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, selain itu, para jemaah dalam kalangan orang awam juga turut hadir untuk memeriahkan lagi Majlis Qiamullail Ramadan berkenaan.

**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Majlis Qiamullail Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi .**



## Tadarus KHEU berakhir dengan Majlis Khatam Al-Quran



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama** ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Tadarus Al-Quran bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 28 Mac. - Majlis Tadarus di masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bersempena bulan suci Ramadan, berakhir pada malam tadi dengan Majlis Penutup Tadarus Al-Quran bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin.

## Kenaikan pangkat pegawai kanan ABDB

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

&gt;&gt; Muka 1

dinaikkan pangkat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pemangku Pengarah Jabatanrahar Agama ABDB (JAMA'AT), Lettenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II** semasa hadir pada majlis berkenaan dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai.

berkenaan.

Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Mohammad Nasith bin Superi dalam tazkirahnya menjelaskan bahawa amalan Khatam Al-Quran pada bulan Ramadan sangatlah baik dan juga merupakan amalan para ulama terdahulu. Amalan ini merupakan amalan sunat yang sangat besar dan banyak kebaikannya.

Dalam masa yang sama, katanya, tidaklah menjadi kewajipan untuk kita khatam berkali-kali pada bulan Ramadan melainkan jika kita berkemampuan melakukannya. Ringkasnya, bacalah Al-Quran dengan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

sebaiknya dan usahakanlah untuk Khatam Al-Quran semampu kita.

Tazkirah bertajuk 'Membaca dan Mengkhatamkan Al-Quran' seterusnya mengongsikan, jika kita mampu khatam Al-Quran sekali dalam bulan Ramadan, maka itu merupakan suatu kebaikan. Jika kita mampu lakukan lebih daripada sekali, maka itu juga kebaikan buat kita.

Tetapi, jika kita tidak mampu untuk khatam dalam bulan Ramadan, maka janganlah lemah semangat atau merasakan bahawa kita tidak perlu lagi membaca Al-Quran. Walau apa jua keadaan sekalipun, teruskanlah membaca dan mendampingi Al-Quran walaupun sedikit dan kecil asalkan istiqamah ataupun konsisten.

Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Dan sesungguhnya amalanamalan yang dicintai Allah adalah amalan yang berterusan walaupun sedikit" (Hadis Riwayat Imam Al-Bukhari).

Sekecil apa pun usaha kita, jelasnya, jangan sesekehali merasakan bahawa diri kita tidak layak untuk mendapat kebaikan, lebih-lebih lagi di bulan Ramadan.

"Sebagaimana yang telah disebutkan, percayalah bahawa sesiapa yang berinteraksi dengan Al-Quran pasti memperoleh kebaikan. Selagi mana kita berazam, berusaha dan menginginkan kebaikan daripada

Allah Subhanahu Wata'alha, maka tiada lagi penghalang untuk kita terus berjalan tanpa henti.

"Membaca Al-Quran adalah umpana bermula yang tidak menempuh kerugian, bahkan akan memperolehi pahala yang berlipat ganda. Membaca Al-Quran adalah antara ibadah yang sangat dituntut, kerana ia merupakan salah satu daripada rangkaian iman," katanya lagi.

Allah Subhanahu Wata'alha dalam Surah Al-Baqarah ayat 121 yang bermaksud : "Orang-orang yang Kami berikan kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutarkan maksudnya), mereka itulah orang-orang yang beriman kepadanya, dan sesiapa yang mengingkarinya maka mereka itulah orang-orang yang rugi".

Tambahnya, ayat tersebut dengan tegas menyatakan bahawa di antara sifat orang-orang mukmin itu ialah beriman kepada Kitab (Al-Quran). Mereka tetap memperuntukkan waktu untuk membaca Al-Quran. Oleh sebab itulah syariat Islam telah menyarankan supaya Al-Quran itu sentiasa dibaca malam dan siang, sehingga tidak ada malam atau siang yang kosong daripada bacaan Al-Quran.

&gt;&gt; Muka 4



# TAIB SERAH WANG ZAKAT BND4,300,065.10 KEPADA MUIB

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**JUNJONGAN**, Khamis, 27 Mac. - Sempena memperingati bulan suci Ramadan, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) dan anak-anak syarikatnya Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. (IITHSB), Darussalam Holdings Sdn. Bhd., dan TAIB Filling Station Sdn. Bhd. telah mengadakan Majlis Penyerahan Kutipan Zakat Simpanan Perbadanan TAIB, Khatam Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA) yang berlangsung di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, juga Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) selaku Penasihat Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd.

Amin Liew bin Abdullah, yang juga selaku Penasihat kepada Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Timbalan Pengurus Perbadanan TAIB; Penolong Mufti Negara ('Ifta), Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah selaku Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah Perbadanan TAIB; Ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya; Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah Perbadanan TAIB dan IITHSB, Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Ketua Kampung Junjongan dan Kampung Putat, tetamu jemputan, pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya serta penduduk kampung sekitarnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Imam Masjid As-Salaam, Awang Haji Hayrul bin Haji Hakim.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan penyerahan Zakat Perbadanan TAIB berjumlah BND4,300,065.10 kepada MUIB. Jumlah kutipan zakat tersebut diperoleh melalui pemotongan

automatik yang dibenarkan daripada pemegang akaun simpanan serta kutipan zakat melalui kemudahan Mesin Pengeluaran Wang (ATM) dan Multi-Function Machine (MFM) sepanjang 2024.


Zakat berkenaan diserahkan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis diteruskan dengan bacaan Khatam Al-Quran, Takhtim dan Doa Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh Ketua Imam masjid.

Majlis Penyerahan sumbangan turut disampaikan kepada anak-anak yatim dalam kalangan ahli keluarga kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya seramai 12 orang dan anak-anak yatim dari kawasan Kampung Junjongan seramai 16 orang. Sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada DANA di mana sebanyak BND150,000 telah disumbangkan oleh Perbadanan TAIB dan sebanyak BND10,000 masing-masing disumbangkan oleh Insurans Islam TAIB Family Takaful Sdn. Bhd., Insurans Islam TAIB General Takaful Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Bagi menyempurnakan penyampaian sumbangan derma



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) semasa menerima penyerahan zakat dari Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei.

tersebut, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, telah menyerahkan sumbangan-sumbangan berkenaan dan diterima oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan seterusnya Sembahyang Fardu Asar

Berjemaah yang dipimpin oleh Ketua Imam Masjid As-Salaam.

Majlis berkenaan merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan yang diadakan oleh pihak Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya dalam sama-sama menyemarakkan lagi bulan suci Ramadhan dan juga untuk mengeratkan hubungan di antara pegawai-pegawai dan kakitangan serta penduduk kampung sekitarnya.

baki keseluruhan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD ialah sebanyak BND27,986,543.29.

Sejak awal penubuhan Tabung Dana sehingga kini, Tabung Dana telah berjaya melaksanakan tiga buah projek pembinaan masjid baharu, sebuah projek tambahan bangunan masjid serta tiga buah projek pemuliharaan dan ketika ini, sebuah projek tambahan bangunan di Masjid Kampung Kupang, Daerah Tutong sedang giat dilaksanakan.

InsyaaAllah, projek seterusnya ialah pembinaan masjid baharu Kampung Lamunin, Daerah Tutong.

Kemajuan yang dicapai adalah merupakan sambutan, komitmen dan sumbangan seangkat hati orang ramai terhadap Tabung Dana berkenaan dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala kepada orang-orang yang membina masjid. Sehingga Februari 2025, jumlah

## SMS Tabung Dana Pembinaan Masjid dilancarkan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis semasa Majlis Pelancaran Perkhidmatan SMS Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Mac. – Pelbagai kaedah dan mekanisme kutipan bagi Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam (NBD) telah diperkenalkan. Salah satu kaedah yang cepat dan mudah ialah melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD.

Sejak perkhidmatan kutipan sumbangan Tabung Dana Pembinaan Masjid NBD dibukakan melalui SMS dari 2015 hingga 28 Februari 2025, Tabung Dana bagi pembinaan masjid telah berjaya mengutip sebanyak BND2,112,306.

Sejumlah BND215,975 telah berjaya dikutip melalui penerimaan sumbangan SMS Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD yang telah dibukakan selama 10 bulan bermula 27 Februari 2024 hingga 26 Disember 2024 yang lalu.

Orang ramai kini sekali lagi berpeluang untuk menyumbang ke Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD melalui SMS bagi tempoh 10 bulan bermula pada hari ini sehingga Rabu, 10 Rejab 1447 bersamaan 31 Disember 2025.

Sumbangan seangkat-angkat hati boleh diberikan melalui SMS dengan menukar MASJID diikuti 100, 50, 20, 15, 10, 5 atau 1 tanpa jarak dan hantar ke talian 38111 bagi pengguna Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST) dan Progresif Sdn. Bhd. (Progresif), manakala 39999 bagi pengguna Syarikat Imagine Sdn. Bhd. (Imagine).

Sehubungan dengan itu, pagi tadi telah diadakan Majlis Pelancaran Perkhidmatan SMS Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid yang disempurnakan oleh tetamu kehormat Majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengutipan dan Pengeluaran Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD bertempat di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan;

Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB), Awang Cheong Chee Keong serta para pengarah, pegawai kanan dan kakitangan dari KHEU.

Mengiringi tetamu kehormat bagi pelancaran SMS Tabung Dana berkenaan ialah Pengarah Urusan Jualan DST, Awang Harpan bin Haji Yusof; Ketua Pegawai Eksekutif Progresif, Dayang Nurul Haniah binti Haji Jaafar; dan Naib Presiden Kanan Syarikat Imagine, Awang Haji Mohd. Radziman bin Haji Abdul Rahman serta Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri selaku Ketua Urus Setia Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD.

Majlis Pelancaran SMS berkenaan diserikan lagi dengan tayangan klip video promo SMS Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD, diikuti dengan acara penghantaran sumbangan melalui SMS beramai-ramai oleh para hadirin.

Majlis diteruskan dengan Majlis Penerimaan Kutipan Sumbangan SMS Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD bagi 2024 Masihi. Pengarah Urusan Jualan DST menyerahkan sumbangan daripada kutipan SMS sebanyak BND162,761. Diselajurkan dengan penyampaian sumbangan dari DST sebanyak BND10,000 untuk Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD.

Sementara itu, Progresif yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif menyerahkan sebanyak BND39,641 dari hasil kutipan SMS dan hasil sumbangan dari Progresif juga turut disampaikan iaitu sebanyak BND1,000.

Sementara Syarikat Imagine yang diwakili oleh Naib Presiden Kanan, menyerahkan sebanyak BND3,273 hasil daripada kutipan SMS Tabung Dana bagi Pembinaan

Masjid NBD disumbangkan oleh pelanggan dan kakitangan syarikat berkenaan.

Adapun penubuhan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD adalah dihasratkan menjadi wadah kekal bagi orang-orang Islam untuk menabung pahala dengan membina masjid sekali gus sebagai satu peluang keemasan untuk bertanam saham di akhirat.

Pelancaran dana berkenaan memberi peluang kepada umat Islam di negara ini untuk menginfakkan (membelanjakan) harta yang dimiliki dengan niat sebagai ibadah dan melipatgandakan amal kebajikan semata-mata bagi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala kepada orang-orang yang membina masjid. Sehingga Februari 2025, jumlah

## Tadarus KHEU berakhir dengan Majlis Khatam Al-Quran

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

>> Muka 3

Terdahulu, majlis dimulakan bacaan Ummul Kitab Surah Al-Fatihah yang dikepalai oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan sejurus bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, acara kemudian diteruskan dengan bacaan Takhtim beramai-ramai dipimpin oleh para pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid serta para pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM).

Doa Khatam dipimpin oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusop sementara Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Masjid tersebut, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Datu Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Majlis Penutup Tadarus Al-Quran bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara dikendalikan oleh KHEU melalui Jabatan Pentadbiran dan JHEM dengan kerjasama AJKT Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Radio Televisyen Brunei.

Tadarus Al-Quran di Masjid, Surau dan Balai Ibadat adalah salah satu syiar untuk memakmurkan masjid, surau dan balai ibadat di negara ini dalam suasana masyarakat Islam tanpa mengira peringkat umur sama-sama memperdengarkan bacaan Al-Quran sekali gus mendekatkan diri dengan Al-Quran terutama dalam menyemarakkan lagi bulan yang penuh berkat ini dengan melipat ganda amal ibadat semata-mata bagi meraih keampunan dan pahala besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

# 15 ANAK YATIM KHEU TERIMA SUMBANGAN



Oleh : Aimi Sani  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Mac. - Bagi menanamkan nilai-nilai murni dalam kalangan warga kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui kerja-kerja amal dan amalan bersedekah serta melahirkan warga kementerian yang sentiasa prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat di samping

meriah keberkatan di mana segala amal kebajikan serta sedekah dikurniakan dengan ganjaran yang berlipat ganda oleh Allah Subhanahu Wata'ala, KHEU pagi tadi menyerahkan sumbangan derma kepada seramai 15 anak yatim warga kementerian berkenaan.

Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim Warga KHEU tersebut diadakan di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan

**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama** hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada penerima (kanan dan kiri).

KHEU, Jalan Dewan Majlis, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir dan menyaksikan majlis penyerahan tersebut, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Terdahulu, majlis dimulakan



dengan bacaan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh Nazir Khas, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Awang Haji Hendra bin Haji Meraji.

Majlis kemudian diikuti dengan bacaan Tahlil dipimpin oleh Penolong Pegawai Ugama, Jabatan Urusan Haji, Awang Haji Muhammad Izzuddin bin Haji Abd. Rani diikuti dengan penyampaian derma anak-anak yatim dan bantuan ihsan kepada para penerima.

Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim Warga KHEU antara lain bertujuan untuk meringankan beban mereka yang memerlukan lebih-lebih lagi dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan tiba di samping melahirkan rasa prihatin dalam membantu dengan ihsan warga KHEU serta melahirkan warga kementerian yang sentiasa prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat.

## Majlis 'Sungkai Kasih Ramadan' santuni warga Pusat Ehsan

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II** hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut dan seterusnya menyerahkan sumbangan derma kepada para penerima (atas kiri dan atas kanan)

### >> Muka 1

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Tahlil dan Doa Selamat yang diketuai oleh

Pegawai Hal Ehwal Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran, dan diteruskan dengan

penyerahan derma kepada 50 pelajar dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam cenderahati yang disampaikan oleh tetamu-tetamu khas majlis.

Pada majlis tersebut, tetamu-tetamu khas juga telah menyampaikan sumbangan khas kepada wakil Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam

dan Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Majlis seterusnya diserikan dengan acara berbuka puasa bersama kakitangan dan pelajar Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Tetamu-tetamu khas berserta jemputan-jemputan yang lain seterusnya berpeluang beramah mesra bersama pelajar-pelajar dan kakitangan dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan-timbalan Menteri; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di JPM; Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam; Ketua-ketua Jabatan; serta pegawai dan kakitangan di JPM.

Majlis tersebut merupakan salah satu aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) di bawah program 'JPM in the Community' yang bertujuan bagi meningkatkan penglibatan warga JPM dalam sama-sama menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan membantu komuniti yang memerlukan.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

# DANA MENERIMA SUMBANGAN LEBIH BND40,000

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA) ketika hadir dan menerima sumbangan untuk DANA (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Mac. – Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA) menerima sumbangan berjumlah BND40,750 daripada 54 penyumbang, terdiri daripada syarikat perniagaan dan individu dari Persatuan Fuzhou Shiyyi.

Majlis penyerahan sumbangan berkenaan berlangsung di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di sini.

Sumbangan - sumbangan berkenaan diterima oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengurusi Lembaga Pemegang Amanah DANA.



Manakala, penyerahan cek contoh (*mock check*) disampaikan oleh Pengerusi Persatuan Fuzhou Shiyyi, Dr. Andy Lau Sie Chuong.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan,

Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

DANA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan dan kemurahan hati para penyumbang dalam membantu usaha berterusan DANA untuk

memperkasa kesejahteraan anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam.

Sebagai sekretariat DANA, YSHHB akan terus memainkan peranannya dalam mengurus dan menyalurkan sumbangan kepada mereka yang memerlukan.

## Majlis Khatam Al-Quran raikan kakitangan, pelajar BIBD ALAF

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Mac. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) hari ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan lebih 400 kakitangan dari BIBD dan para pelajar BIBD ALAF yang merupakan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) utama BIBD.

Majlis berkebajikan berkenaan adalah bersempena bulan Ramadan Al-Mubarak bagi mengukuhkan lagi semangat muhasabah, kemasyarakatan dan ihsan pada bulan yang penuh barakah ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara di sini, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmadaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengurusi BIBD.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengurusi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) ketika hadir pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri; Penolong Mufti Buhuth di Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof; dan Pengarah BIBD serta Ahli Lembaga Pengarah BIBD yang lain; Badan Penasihat Syariah BIBD termasuk Pengurusi dan ahli pengurusan kanan dan kakitangan BIBD.

Sejurus selesai menuanakan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah



beramai-ramai diikuti bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh kakitangan BIBD dan para pelajar BIBD ALAF bermula dari Surah Ad-Dhuha.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga menyampaikan cenderamata kepada para pelajar sebagai tanda penghargaan atas pencapaian dan komitmen mereka.

Majlis seumpama berkenaan bukan sahaja sebagai renungan rohani sepanjang bulan yang mulia, tetapi juga sebagai peringatan tentang nilai dan tanggungjawab BIBD sebagai peneraju institusi

kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam.

Dengan memupuk semangat perpaduan, belas kasihan dan tujuan bersama, acara berkenaan merangkumi inti pati Ramadan,

memperkuuh iman, membina komuniti, dan mengukuhkan komitmen BIBD yang bukan sahaja keperluan kewangan, tetapi juga kesejahteraan rohani dan sosial negara.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia  
Sila muat turun

PenggunaBijak



# KHEDN ANJUR MAJLIS TAKREEM AL-QURAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Abdul Haji Hamid



**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Rabu, 26 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Jabatan Penjara telah menganjurkan Majlis Takreem Al-Quran bagi KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di dewan serbaguna kementerian berkenaan, hari ini.

Seramai 31 orang telah menerima sumbangan derma yang disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman yang juga hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Majlis Takreem Al-Quran dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah yang diimamkan oleh Guru Ugama Terlatih di Jabatan Penjara, Awang Muhd. Yusri bin Othman. Setelah itu, majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika hadir pada Majlis Takreem Al-Quran dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada penerima (atas dan kiri).

bermula dengan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh tetamu kehormat.

Kemudian, majlis diselajurkan dengan bacaan Tahil dan Dikir Syarafill Anam serta diakhiri dengan bacaan Doa Takhtim diikuti Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Adapun majlis seumpama ini diadakan bertujuan bagi

memperingati peristiwa agung Nuzul Al-Quran, iaitu peristiwa turunnya ayat Al-Quran yang pertama sebagai wahyu Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di samping memohon keberkatan dan mendapatkan ganjaran pahala yang sebanyaknya pada bulan yang mubarak ini, majlis ini juga

bertujuan bagi mengeratkan silaturahim dalam kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian serta menunjukkan sifat keperihatinan kepada anak-anak yatim.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan bagi KHEDN.

## MTIC semarakkan Ramadan dengan Majlis Khatam Al-Quran



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika hadir pada Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**TUNGKU**, Khamis, 27 Mac. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya melalui Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) tengah hari tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, bertempat di Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Kampung Tungku Katok, di sini.

Hadir ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Awang Murni bin Haji Nayan, diikuti dengan bacaan

Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Takhtim, Tahil dan Doa Khatam yang dipimpin oleh imam masjid berkenaan.

Ini disusuli dengan Dikir Marhaban yang diketuai oleh kumpulan dikir EGNC, dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat

dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Acara turut menyaksikan penyampaian sumbangan wakaf berupa barang keperluan masjid, yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi kepada imam

Masjid Pengiran Muda Abdul Malik selaku wakil pihak masjid.

Majlis berkenaan merupakan acara keagamaan tahunan kementerian yang diadakan sempena bulan Ramadan bagi menyemarakkan lagi keberkatan bulan suci ini.

Ia juga bertujuan untuk menggalakkan pembacaan Al-Quran dan mempererat ukhuwah dalam kalangan warga kerja kementerian, di samping merebut peluang untuk meraih ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Juga hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan



YANG Berhormat ketika menyampaikan sumbangan wakaf berupa barang keperluan masjid kepada imam Masjid Pengiran Muda Abdul Malik selaku wakil masjid.

Setiausaha Tetap di MTIC, Ketua-ketua Eksekutif, ketua-ketua jabatan, Pengarah-pengarah Bahagian, pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.



SEBAHAGIAN yang menyertai majlis tersebut.

# MPABD LANCARKAN SISTEM MSW



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika hadir bagi melancarkan Maritime Single Window (MSW) yang diadakan di Dewan Seri Kerna, MPABD (atas dan kanan).



KETUA Eksekutif MPABD ketika berucap pada majlis tersebut.

**MUARA**, Rabu, 26 Mac. - Maritime Single Window (MSW) yang dilancarkan hari ini, meningkatkan lagi komitmen kukuh Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) untuk memanfaatkan inovasi digital dalam operasi maritim, sambil memajukan kecekapan, ketelusan dan daya saing global sektor tersebut.

Diusahakan oleh MPABD, dengan sokongan pemain industri maritim dan pihak-pihak berkepentingan, MSW merupakan platform digital yang direka untuk menyelaras dan mempercepatkan proses penyerahan dan kelulusan dokumentasi pelepasan pelabuhan.

Dengan mengoptimumkan aliran

kerja operasi, MSW meningkatkan kecekapan untuk pihak-pihak berkepentingan dan memudahkan proses yang lebih lancar dan telus dalam industri maritim.

Pelancarannya disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, merangkap Pengerusi MPABD pada majlis yang diadakan di Dewan Seri Kerna, Ibu Pejabat MPABD, di sini.

Ketua Eksekutif MPABD, Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman dalam ucapannya pada majlis tersebut antara lain menggariskan pelancaran MSW sebagai peristiwa penting dalam

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohammad Hasif Matzin



agenda transformasi digital Negara Brunei Darussalam (NBD) yang sedang berjalan pada masa ini.

"Hari ini, kami mengambil langkah besar ke hadapan dalam mengubah proses pelepasan kapal dijalankan di NBD. Pelaksanaan MSW seperti yang dimandatkan oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) di bawah Konvensyen FAL, membolehkan penyerahan elektronik, pemprosesan dan kelulusan maklumat pelepasan pelabuhan - semuanya melalui satu platform dalam talian," ujarnya.

Berikutnya kejayaan pelaksanaan Fasa 1, inisiatif Transformasi Digital MPABD Fasa 2 yang akan datang akan memberi tumpuan kepada pendigitalan dan pemusatan penuh

semua perkhidmatan MPABD.

Ini termasuk pendaftaran kapal, pelesenan, latihan maritim, sistem kewangan dan pembayaran dalam talian, yang kesemuanya dijadualkan untuk disiarkan secara langsung semasa Minggu Maritim Brunei Darussalam, pada 29 September 2025.

Majlis diakhiri dengan demonstrasi langsung (*live demonstration*) Sistem MSW, disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Turut hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, pegawai kanan kerajaan dan pihak berkepentingan utama dari industri maritim.

## 6 syarikat serah sumbangan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Mac. - Sebanyak enam syarikat pagi tadi menyerahkan sumbangan keseluruhan berjumlah BND25,000 bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 bertempat di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Hadir dan seterusnya menerima sumbangan pada majlis penyerahan tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang

Mohamad.

Syarikat-syarikat tersebut ialah Syarikat Samima Sdn. Bhd., Syarikat TM Majeed, Pasar Raya TM Majeed, Pasar Raya Orbit Sdn. Bhd., Pasar Raya Daya dan Aisha Afifa Sdn. Bhd.

Sumbangan derma daripada Syarikat Samima Sdn. Bhd. telah disampaikan oleh Pengarah Urusan syarikat berkenaan, Haji Hidhayathullah bin Haji Tajudeen berjumlah BND10,000.

Seterusnya Syarikat TM Majeed telah menyumbangkan sejumlah

BND5,000 yang disampaikan oleh Pengurus Am Pasar Raya TM Majeed, Awang Feroze Khan s/o Abdul Ravoof.

Sementara itu, sumbangan derma daripada Pasar Raya TM Majeed juga disampaikan oleh Awang Feroze Khan s/o Abdul Ravoof yang berjumlah BND2,000.

Pasar Raya Orbit Sdn. Bhd. pula disampaikan oleh Pengerusi Pasar Raya Orbit Sdn. Bhd., Anwar Ali s/o Mohamed Yusuff, berjumlah BND2,000 yang mana juga

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

menyampaikan bagi pihak Pasar Raya Daya dengan jumlah BND1,000.

Aisha Afifa Sdn. Bhd. menyumbangkan sejumlah BND5,000 yang telah disampaikan oleh Pengarah syarikat berkenaan, Haja Najirudeen.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh selaku Pengerusi Majlis dan ahli-ahli syarikat-syarikat berkenaan.

**NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN**

**Fikir sebelum beli**

"buleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

**Jadi pengguna yang bertanggungjawab**

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika hadir pada majlis penyerahan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 bertempat di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

# KKBS RAIKAN SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang penerima (kanan dan atas).



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hari ini mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

PEGAWAI Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan ketika menyampaikan ceramah agama.

Kepada Anak-anak Yatim, Pegawai dan Kakitangan KKBS serta jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Dewan Digadong, bangunan KKBS, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku tetamu kehormat.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah diikuti dengan ceramah agama yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang

Haji Sammalli bin Haji Adam.

Antara inti pati ceramah yang disampaikan ialah mengenai fungsi akal sihat yang mana beliau menerangkan akal ialah salah satu nikmat dan rahmat kurniaan terbesar Allah Subhanahu Wata'ala kepada manusia yang membezakannya dengan makhluk-makhluk lain dan fungsinya adalah untuk mencari ilmu pengetahuan dan memandu kita ke arah kebaikan dunia dan akhirat.

Dalam ceramahnya juga, Awang Haji Sammalli menyampaikan mengenai cara memahami Al-Quran iaitu melalui tiga aspek : iman, ibadah dan akhlak. Mengenai Al-Quran, beliau juga menerangkan bagaimana Al-Quran boleh dijadikan terapi untuk kesejahteraan kita melalui empat kaedah iaitu, dengan menyentuh Al-Quran, melihatnya,

membacanya dan mendengarnya.

Acara diteruskan dengan penyampaian derma kepada seramai 19 orang anak yatim terdiri daripada 10 lelaki dan 9 perempuan yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Turut hadir Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

**Selamatkan Usus Awda.**

*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

کمترین کمیختن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

## JAPEM adakan Majlis Khatam Al-Quran, Tahlil, Berbuka Puasa

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Mac. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, Tahlil dan Acara Berbuka Puasa bagi pelatih-pelatih serta pegawai dan kakitangan Pusat Bahagia, Daerah Brunei dan Muara yang adakan di Dewan Digadong, Bangunan KKBS, baru-baru ini.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran, Tahlil dan Acara Berbuka Puasa di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Pelatih Latihan Industri Pusat Bahagia, Daerah Brunei dan Muara, Awangku Muhammad Amirul Fa'iq bin Pengiran Zali.

Kemudian majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim Al-Quran dan Tahlil yang diketuai oleh Pemangku Ketua Guru Ugama, Pusat Bahagia, Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Nuurmatin bin Haji Abu Bakar, sementara Doa Khatam pula dibacakan oleh

Pelatih Latihan Industri Pusat Bahagia, Daerah Brunei dan Muara, Awang Muhammad Noraswadi bin Abdullah.

Majlis juga diselanjurkan dengan bacaan Doa Tahlil, Dikir Marhaban beramai-ramai dan diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Pada majlis itu juga, tetamu kehormat telah menyempurnakan penyampaian sijil kepada lapan

pelatih / peserta khatam dan menyerahkan sumbangan sampul Hari Raya kepada 59 Pelatih-pelatih Pusat Bahagia, Daerah Brunei dan Muara.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, pegawai-pegawai kanan dari KKBS dan Pemangku Pengarah JAPEM, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh selaku Pengurus Majlis.



# BACAAN AL-QURAN 79 KALI KHATAM DILANCARKAN



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BERAKAS**, Khamis, 27 Mac. - Pertubuhan WARGAMAS Brunei melalui Program Rancangan Khatam Al-Quran (RKAQ) dan Program Khatam Al-Quran (MKAQ) pagi tadi memulakan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran 79

kali khatam sebagai pesambahan istimewa Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sekali gus sebagai tanda bersyukur dalam memeriahkan lagi Sambutan Hari Keputeraan baginda ke-79 pada tahun ini.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran 79 Kali Khatam Al-Quran Kali Ke-7, 2025 anjuran



pertubuhan berkenaan berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad yang seterusnya mengepalai bacaan Surah Al-Fatiyah.

Majlis kemudian disusuli dengan bacaan doa sebelum memulakan bacaan Al-Quran oleh Warganita dan seterusnya bacaan Surah Al-Baqarah ayat 1 hingga ayat 16 secara beramai-ramai oleh Wargawira.

Terdahulu, Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS Brunei, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don dalam ucapan alu-aluan menjelaskan majlis kali ini disebut sebagai Majlis Program Bersepudu yang terdapat di dalamnya tiga gabungan program dalam satu majlis iaitu Program RKAQ dan MKAQ; Majlis Khatam

**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar kiri, sebahagian yang hadir.**

Program Tadarus Al-Quran Bulan Ramadan; dan Program Sumbangan Derma dan Infak Mulia.

Awang Haji Abu Bakar juga turut mengingatkan kepada para pemimpin dan ahli-ahli pertubuhan untuk sentiasa saling bekerjasama dalam memantapkan lagi kemajuan dan perkembangan pertubuhan, selain memperkuuhkan ukhuwah silaturahim serta bersatu hati dan berpegang teguh pada ajaran Islam dan terus mempertingkatkan amal ibadah.

Dalam pada itu, majlis juga turut diselanjurkan dengan Majlis Khatam Program Tadarus Al-Quran bulan Ramadan yang didahului dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga An-Nas, diikuti dengan bacaan takhtim, Doa Khatam dan Dikir Marhaban.

Sejurus itu, penyampaian sumbangan derma kepada seramai 26 anak yatim Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS, diikuti dengan penyerahan Infak Mulia kepada lima orang ahli pertubuhan yang dalam kesusaahan dan seorang kurang upaya yang menerima bantuan kerusi roda.

Penyampaian sumbangan derma dan penyerahan infak tersebut disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.



## Pejabat Peguam Negara anjur majlis keagamaan

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara



**YANG Berhormat Peguam Negara semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Khatam Al-Quran. (kiri). Manakala gambar atas, sekitar majlis tersebut yang diadakan di Dewan Jubli Emas, Bangunan Undang-undangan dan Mahkamah-mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.**

Muhd. Adi Faisal bin Haji Omar, diikuti dengan bacaan Takhtim, Doa Khatam, Dikir dan Doa Selamat.

Aktiviti keagamaan berkenaan dijalankan setiap tahun bagi memulikan bulan Ramadan yang bermula dari awal Ramadan oleh



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Mac. – Sempena bulan Ramadan Al-Mubarak 1446 Hijrah / 2025 Masihi, Pejabat Peguam Negara telah mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Khatam Al-Quran yang berlangsung di Dewan Jubli Emas,

Bangunan Undang-undang dan Mahkamah-mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, hari ini.

Tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti

Haji Muhammed Taib.

Turut hadir ialah pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dipimpin oleh Penasihat Undang-undang, Pejabat Peguam Negara, Awang

pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara.

Antara objektif majlis seumpama berkenaan diadakan adalah untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan pejabat ini.

# PEJABAT KEBAWAH DYMM BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Mac. - Pegawai dan kakitangan Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam petang tadi

mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja.

Majlis bertahlil berkenaan adalah khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni

Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir bagi menyertai majlis tersebut ialah Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Dato

SETIAUSAHA Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim semasa hadir menyertai Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja.

Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim.

Bacaan Surah Yaa Siin, Tahleek dan Doa dipimpin oleh Pegawai Ugama di Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Awang Muhammad Syafie @ Firdaus bin Tasad.

Juga hadir, Pemangku Grand Chamberlain, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali; Timbalan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Dato Paduka Awang Haji Rosli bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Md. Salleh; serta pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

## Komitmen BDCB beri sokongan kepada masyarakat



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) juga selaku Pengurusi Lembaga Pengarah Brunei Darussalam Central Bank (BCDB) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Derma (atas). Manakala gambar bawah kanan, Yang Mulia ketika menyampaikan derma kepada salah seorang penerima.

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



ANTARA yang hadir menyertai majlis berkenaan.

**KAMPUNG MANGGIS / MADANG**, Rabu, 26 Mac. - Brunei Darussalam Central Bank (BCDB)

telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Derma di Masjid Suri Seri Begawan Raja

Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, Berakas, hari ini.

Hadir sebagai tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid juga selaku Pengurusi Lembaga Pengarah BCDB serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah BCDB.

Turut hadir, Pengarah Urusan BCDB, Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu bersama kakitangan BCDB dan Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF).

Majlis dimulakan dengan bacaan surah-surah lazim serta doa dan kemudian diteruskan dengan penyampaian derma kepada 20 orang penerima daripada golongan yang memerlukan.

Majlis ini diadakan bersempena bulan Ramadan, mencerminkan komitmen BCDB dalam memberi



sokongan kepada masyarakat, menggalakkan kesejahteraan sosial serta memupuk semangat kebersamaan dan keprihatinan.

Melalui inisiatif ini BCDB

berharap akan dapat memberi sokongan bermakna kepada mereka yang memerlukan bantuan sebagai tanda keprihatinan dan perpaduan masyarakat.

# 36 ANAK YATIM, 34 GOLONGAN KURANG BERKEMAMPUAN TERIMA SUMBANGAN

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 28 Mac. - Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) Kampung Sungai Akar telah

mengadakan Majlis Tahil Sekampung dan Majlis Penyampaian Sumbangan Derma bagi anak-anak yatim dan golongan kurang berkemampuan (asnaf fakir miskin) anjuran Majlis Perundingan Kampung Sungai Akar (MPK)



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penasihat MPK Kampung Sungai Akar hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tahil Sekampung dan Majlis Penyampaian Sumbangan Derma yang diadakan di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB).

## Peserta Tadarus diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran berkenaan dan seterusnya menyampaikan sumbangan penghargaan kepada salah seorang peserta yang menyertai Tadarus Al-Quran tersebut (atas dan kiri).

**Berita dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Hanching**

**SUNGAI HANCHING**, Jumaat, 28 Mac. - Bulan Ramadan sudah memasuki minggu terakhir dan umat Islam di negara ini terus menyemarakkan bulan rahmat berkenaan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Sehubungan dengan itu, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Sungai Hanching meraikan peserta yang menyertai ibadah bertadarus sepanjang malam-malam bulan Ramadan dengan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran.

Majlis berkenaan telah dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai dan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas yang

dikepalai oleh Ketua Imam Masjid Kampung Sungai Hanching, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumaat, yang juga membacakan Doa Khatam dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.



Majlis dimeriahkan lagi dengan Dikir Marhaban oleh AJKT Masjid, Muslimah, para peserta khatam dan para jemaah.

Sementara itu, Yang Berhormat Pehin juga menyampaikan sumbangan penghargaan kepada para peserta yang menyertai Tadarus Al-Quran sepanjang bulan Ramadhan di masjid berkenaan.

**Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar**

dan Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) MRSB, Kampung Sungai Akar bagi tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Majlis berlangsung di MRSB, Kampung Sungai Akar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lau How Teck, selaku Penasihat MPK Kampung Sungai Akar; Penaung-penaung Bersama MRSB, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; dan Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Majlis dimulakan dengan bacaan Tahil beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, MRSB, Awang Muhammad Tsuufiy bin Haji Abdul Wahab, manakala Doa Allah Peliharakan Sultan dibacakan oleh Imam Tingkat II, Awang Muhammad Farhanuddin bin Haji Hassan. Manakala, Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah pula diimamkan oleh Awang Md. Helmy bin Haji Jamil.

Majlis juga diteruskan dengan acara berbuka puasa bersama para penerima sumbangan.

Pada tahun ini, seramai 36 penerima dalam kalangan anak yatim dan 34 penerima daripada golongan kurang berkemampuan dari Kampung Sungai Akar menerima sumbangan.

## Prihatin terhadap kebajikan masyarakat



**PEMANGKU** Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

**Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Jerudong**

**JERUDONG**, Jumaat, 28 Mac. - Pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim dan golongan kurang berkemampuan di negara ini tidak diabaikan malah terus menerus diberi perhatian.

Sehubungan itu, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'B', MPK Jerudong 'A', Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam bersama Persatuan Warisan Kedayan Jerudong (WARISAN) dengan gabungan dari Pengarah Urusan Bellaziz Holding Ltd., Restaurant Tumpi Sabar Menanti, Supermarket Mollah Sdn. Bhd., Layar Empire dan orang perseorangan mengadakan majlis penyampaikan sumbangan derma kepada 54 anak yatim dan 20 orang kurang berkemampuan yang tinggal di Kampung Jerudong.

Majlis ini juga diselanjurkan dengan Majlis Makan Malam Tujuh Sekampung (bersungkai) bertempat di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian derma kepada anak-anak yatim ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim. Manakala penyampaian barang asasi kepada 20 orang kurang berkemampuan disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Sejurus setelah itu, Pengurus MPK Jerudong 'B' menyerahkan replika cek sumbangan kepada anak yatim berjumlah BND1,000 kepada tetamu kehormat untuk disalurkan ke tabung anak yatim Jabatan DBM.

Terdahulu, bacaan tahil, doa arwah dan seterusnya doa selamat telah dibacakan dan dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Awang Haji Muhd. Amaluddin bin Haji Jamaluddin.

Majlis ini adalah sebagai aktiviti tahunan MPK Jerudong 'B' yang bertujuan untuk memberikan keceriaan dan kegembiraan kepada anak-anak yatim dan golongan kurang berkemampuan disamping dapat membantu mengurangkan beban mereka semasa menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

# CERIAKAN ANAK-ANAK YATIM, WARGA EMAS



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Mac. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Menunggol dengan kerjasama Cityneon Displays & Construction Sdn. Bhd. telah mengungkayahkan Majlis Penyampaian Derma diselajurkan dengan berbuka puasa bersama anak-anak yatim dan warga emas yang diadakan di The Brunei Hotel, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyerahkan sumbangan derma kepada para penerima ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung

Menunggol, Awang Md. Zulhafiz Zariq bin Awang Damit.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada Ketua Kampung Menunggol, Awang Haji Ibrahim bin Haji Osman yang mana menyampaikan penghargaan kepada para penyumbang, Cityneon Displays & Construction Sdn. Bhd. serta Ahli MPK Menunggol atas sama-sama

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Penyampaian Derma diselajurkan dengan berbuka puasa bersama anak-anak yatim dan warga emas yang diadakan di The Brunei Hotel (atas dan kiri).

menjaya majlis tersebut.

Pada tahun ini, seramai 18 anak yatim dan 50 warga emas telah menerima sumbangan tersebut.

Adapun tujuan diadakan majlis ini adalah bagi meraikan anak-anak yatim dan warga emas dan meringankan beban serta memberikan keceriaan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

Turut hadir, Pemangku Timbalan

Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Amir Azman bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman dan Pengurus Besar Cityneon Displays & Construction Sdn. Bhd., Dato Ting Jack Chai serta rakan-rakan.

## Anak-anak yatim terus terima sumbangan



**ISTERI** Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi II Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu semasa menyerahkan sumbangan derma bagi Tabung Anak-anak Yatim Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hari ini menerima sumbangan derma bagi Tabung Anak-anak Yatim, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) daripada Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu.

Hadir bagi menerima sumbangan yang berlangsung di Bangunan KKBS ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Sumbangan berjumlah BND5,000 disampaikan oleh Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi selaku Pengerusi II

Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu. Sumbangan tersebut adalah hasil kutipan daripada ahli-ahli kumpulan.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh serta ahli-ahli daripada kumpulan berkenaan.

**BERHENTI DI TEMPAT YANG SELAMAT UNTUK MENGELAKKAN KEMALANGAN**

Berhenti sementara jika hujan bertambah lebat dan penglihatan awda terjejas akibat kabus dan cuaca yang gelap


 
● ● ● ● ●

**PANDU DENGAN PERLAHAN. KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN AWDA MELUNCUR**

Perkara ini akan berlaku apabila kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49

68

 
● ● ● ● ●

**bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn**

جبلان حلال احوال مسجد  
JABATAN HAL EHWAH MASJID,  
KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# MERAIKAN DAN MENYAMBUT AIDILFITRI

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 27 Ramadhan 1446H/28 Mac 2025M



Sambutan Aidilfitri yang dilakukan biarlah mengikut ajaran dan landasan agama, antaranya:

## PADA MALAM HARI RAYA PERTAMA

Disunatkan menghidupkan malam tersebut dengan laungan takbir, bacaan al-Quran, berzikir, berdoa dan sebagainya

## PADA PAGI HARI RAYA

Disunatkan:



Mandi dengan niat kedatangan Aidilfitri



Memakai bau-bauan yang harum



Membersihkan diri dengan memotong kuku



Memakai pakaian yang elok

## MENDIRIKAN SEMBAHYANG SUNAT HARI RAYA

Sebelum ke masjid untuk bersembahyang Hari Raya: Disunatkan memakan buah kurma dengan bilangan yang ganjil

## DISUNATKAN SESAMA ISLAM SALING MENGUCAPKAN TAHNIAH DENGAN MENDOAKAN DI ANTARA SATU SAMA LAIN

seperti mengucapkan:

**تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ**

Maksudnya: Semoga Allah menerima daripada kita dan menerimanya daripada kamu



Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan,  
Jabatan Hal Ehwal Masjid,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
Negara Brunei Darussalam



# DANA TERIMA SUMBANGAN DARI KEDUTAAN REPUBLIK RAKYAT CHINA

Oleh : Marlinaawaty Hussin  
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 28 Mac. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA) menerima sumbangan keseluruhan berjumlah BND20,000 dari Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada majlis yang diadakan di Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB), Jalan Jerambak.

Sumbangan berkenaan disampaikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan

Yang Terutama Xiao Jianguo, dan diterima oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA, bagi pihak DANA.

Semasa berucap, Tuan Yang Teutama Xiao Jianguo antara lain menzahirkan harapan agar sumbangan berkenaan dapat membantu lebih ramai anak yatim di negara ini.

TYT berkata, pihak kedutaan bersedia untuk bekerjasama dengan rakan-rakan di negara ini

untuk mendorong hubungan komuniti NBD dan Republik Rakyat China bagi masa hadapan yang lebih kukuh.

DANA sangat menghargai sokongan dan derma daripada para dermawan bagi sama-sama membantu DANA dalam usahanya untuk mempertingkatkan kesejahteraan hidup anak-anak yatim di NBD. YSHHB ialah sekretariat bagi DANA.

**DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam semasa menyerahkan sumbangan kepada Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan**



## Bantu ringankan beban anak yatim

**BUNUT**, Jumaat, 28 Mac. - Ahli Jawatankuasa Anak-anak Muda Persatuan IKERAB Kampung Bunut Perpindahan dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bunut Perpindahan mengadakan Majlis Sumbangan Ikhlas Ke-13 bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masih yang berlangsung di Rumah Persatuan IKERAB, Jalan Haji Halus, Kampung Bunut, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan sumbangan tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan),

**SETIAUSAHA Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika menyerahkan sumbangan kepada penerima.**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Pada tahun ini, seramai 59 anak yatim dari kampung berkenaan menerima sumbangan berupa wang tunai dan barang asasi.

Sumbangan derma tersebut merupakan inisiatif Ahli Jawatankuasa Anak-anak Muda Persatuan IKERAB untuk membantu anak-anak yatim bagi persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba, sekali gus sebagai usaha membantu meringankan beban mereka untuk menampung perbelanjaan sehari-hari.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan tahlil dan doa

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Hernie Suliana  
Haji Othman

arwah diikuti dengan acara penyampaian derma kepada anak-anak yatim dan berbuka puasa secara berjemaah yang berlangsung dalam suasana penuh mesra dan harmoni. Menurut Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Awang Mohammad Khairoul Johani bin Haji Jumat juga selaku Pengurus MPK Bunut Perpindahan, penganjuran majlis seperti ini bukan sahaja dapat meringankan beban mereka yang memerlukan, tetapi juga memupuk nilai kasih sayang dan pemeliharaan dalam kalangan masyarakat.

# مقرنکلنکن اقليکاسي موده الیه جابتني ڦراغن

Memperkenalkan  
**Aplikasi Mudah Alih  
Jabatan Penerangan**

**InfoDeptBN**

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

**Gunakanlah Aplikasi Kami!**

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



**'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'**

# دعا ممohen كقد الله سقايي قرسلامة

## درقد بلاء دان سكل جنیس چاکیت

**DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا حَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ الْعَلِيِّينَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ  
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنَاهَا وَبِاللَّهِ  
أَحْتَثَنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعَزَّةِ وَاجْبَرُوْتِ.  
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَبَبِي  
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقِنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطِفَكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُنَا  
سِنَةً وَلَا نُوْمًّا لَمَّا مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا  
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَاذِي  
إِلَّا يَادِنَّاهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ  
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ  
وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا يَعُودُ  
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ﴿٥٥﴾

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini (70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
الَّذِي تَحْلِي بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِجْ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ  
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَائِجِ، وَيُسْتَسْقَى  
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ  
وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،  
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِدَنَيِّ،  
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhandaku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْ مِبَاوا كِبَراً وَنَتوْغُنْ سَاعَتْ بَسْر كَفْدُ قَعْمَلَنْ ( تَولُقْ بَلَاءَ )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung Jua).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسِبْنَا اللَّهَ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(1)

يَا حَمِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi mengagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)

# TINGKATKAN KECEKAPAN BAHASA, KEMAHIRAN PENGUCAPAN AWAM



**TUNGKU LINK**, Rabu, 26 Mac. - Awang Wan Mohammad Aidi bin Jufriza dengan pidato bertajuk 'Even if you are not a teacher (profession), you are still a teacher :



'My Experience' telah dinobatkan sebagai juara bagi Kategori Advance Level pada Pertandingan Pidato Bahasa Jepun Ke-36 yang diadakan di Dewan Kuliah, The Core, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Pemenang Kategori Advance Level ini juga berpeluang untuk bertanding di Pembentangan Pidato Jepun oleh Juara Pertandingan Pidato Jepun di Negara ASEAN di Jepun nanti.

Sementara itu, tempat kedua dan ketiga masing-masing disandang oleh Awang Muhammad Danish Syazwan bin Sukri dengan

**SALAH** seorang peserta yang menyampaikan pidatonya.

**BAKAL Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (NBD)** semasa menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang (kiri). Sementara gambar kanan, antara yang menyertai pertandingan berkenaan.

tajuk 'Nasi Katok'; dan Awang Shamil bin Shraine yang menyampaikan tajuk 'Deeply Drawn To'.

Bagi Kategori Beginner Level pula, tempat pertama dimenangi oleh Dayang Nurin Aneesah binti Baharin dengan pidato bertajuk 'My Experience in Theater', diikuti Awangku Abdul Ghafur Ur Rahman bin Pengiran Abdulrahman di tempat kedua dengan tajuk 'My Favourite Chord Progression in J-pop'; dan tempat ketiga disandang oleh Dayang Siti Damia Syahmina binti Haji Harun dengan tajuk 'My Hobby'.

Manakala, bagi Kategori Group Presentation, juara disandang oleh penuntut-penuntut dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan tajuk pidato 'The Impact of Ultraman : Japan's Superhero Legacy', disusuli dengan pidato bertajuk 'Geisha' yang disampaikan oleh penuntut-penuntut dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah di tempat kedua; dan tempat ketiga dimenangi oleh penuntut-penuntut dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dengan tajuk 'The Cultural Impacts of Japanese Animation a.k.a. Anime'.

Para pemenang menerima sijil dan trofi, berserta pelbagai hadiah



Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

menarik yang disampaikan oleh Bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Kikuta Yutaka.

Pertandingan tersebut dianjurkan bersama oleh Kedutaan Jepun di NBD, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C) dan Pusat Bahasa, UBD; dengan sokongan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan; dan Koperasi UBD; dan ditaja oleh Persatuan Jepun di Brunei Darussalam (Japanese Association Brunei Darussalam) dan Yayasan Jepun (the Japan Foundation).

Antara tujuan pertandingan diadakan adalah untuk menggalakkan pelajar berbahasa Jepun serta mereka yang berminat dengan Jepun untuk menunjukkan kecekapan bahasa dan/atau kemahiran berucap di tempat awam, dan mengekalkan minat mereka. Peraduan ini terdiri daripada dua kategori iaitu pidato Jepun, dan persembahan berkumpulan dalam Bahasa Inggeris tentang Jepun.

Turut hadir, Pemangku Pengarah L3C, Awang Lim Kian Boon; Pemangku Pengarah Pusat Bahasa, UBD, Dr. Min Shen; Pengarah Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Julaihi bin Mohamad/Mohamat; Pensyarah Yayasan Jepun di Kuala Lumpur, Hirata Yuna; Presiden Persatuan Jepun Brunei Darussalam, Okabe Kohji; dan Presiden Alumni Persatuan Brunei Jepun, Dayang Hajah Najmina Fairuz binti Haji Abdul Latif.

## BKISHHB lancarkan pelbagai pakej tawaran baharu



**KURATOR** Etnografi selaku Ketua Bahagian Pameran dan Pemasaran semasa menyampaikan taklimat (atas). Manakala gambar kanan dan bawah, sebahagian yang hadir pada taklimat berkenaan yang berlangsung di Dewan Auditorium BKISHHB.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Mac. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Jabatan Perdana

Menteri (JPM) akan memperkenalkan beberapa tawaran bagi pengunjung yang ingin menikmati pengalaman lebih



bermakna di Galeri BKISHHB.

Tawaran ini bermula awal April 2025 dengan merangkumi Pakej Lawatan, Pakej Kumpulan, Pakej Galeri Plus, Kad Keahlian BKISHHB, Kad Kesetiaan serta pembelian tiket secara tunai untuk pelawat residen dan bukan residen.

Sehubungan itu, sesi taklimat kepada agensi pelancongan, jurupandu dan syarikat perhotelan mengenai tawaran baharu diadakan pagi tadi disampaikan oleh Kurator Etnografi, Pengiran Norazah binti Pengiran Haji Muhammad yang juga selaku Ketua Bahagian Pameran dan Pemasaran berlangsung di Dewan Auditorium BKISHHB, di sini.

Turut hadir semasa sesi taklimat

tersebut ialah Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad.

Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha BKISHHB untuk menjadikan galeri ini lebih mesra pengunjung, sekali gus memberikan lebih banyak pilihan dan manfaat kepada mereka yang ingin meneroka warisan Islam yang kaya dengan sejarah dan nilai seni.

BKISHHB percaya bahawa dengan pelancaran pakej baharu ini, lebih ramai pengunjung dari dalam dan luar negara akan berpeluang menikmati serta memahami lebih

mendalam tentang koleksi khazanah Islam yang dipamerkan.

Dengan keunikan koleksi yang terdapat di BKISHHB, pelawat akan dapat menyaksikan sendiri pelbagai khazanah berharga yang mencerminkan keagungan seni dan sejarah Islam dari pelbagai zaman dan tamadun.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pakej ini, orang ramai boleh mengunjungi kaunter tiket BKISHHB atau menghubungi talian +673 2220702 sambungan 140 atau melalui talian WhatsApp +6738153267 atau melayari laman sesawang rasmi BKISHHB [www.bkishhb.gov.bn](http://www.bkishhb.gov.bn).



# MEMBANGUNKAN SEKTOR PELANCONGAN MELALUI PENINGKATAN KUALITI SUMBER MANUSIA



**PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) semasa hadir menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta (kiri dan kanan).**

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Mac. - Seramai 17 peserta yang lulus menamatkan Kursus Asas Pemandu Pelancong dan Iapan peserta yang menamatkan Kursus Asas Pemandu Pelancong Pakar Memerhati Burung petang tadi menerima sijil masing-masing berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), di sini.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta, Pemangku Setiausaha Tetap, KSSUP, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi.

Kursus Asas Pemandu Pelancong Kali Ke-16 berkenaan dikendalikan selama 10 hari bermula 17 Februari 2025 hingga 1 Mac 2025.

Kursus berkenaan mula diperkenalkan pada 2016 dan ia merupakan sebagai salah satu pra-syarat Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi mana-mana individu yang ingin mendapatkan lesen pemandu pelancong di negara ini.

Sejak kursus berkenaan mula diperkenalkan, seramai 232 pemandu pelancong yang berdaftar di Jabatan Kemajuan

Pelancongan telah mengikuti kursus asas pemandu pelancong. Manakala, bagi Kursus Asas Pemandu Pelancong Pakar Memerhati Burung Kali Ke-2, dilangsungkan selama 10 hari bermula pada 3 hingga 12 Februari 2025.

Kursus berkenaan mula diperkenalkan pada 2024 dan seramai dua pemandu pelancong pakar memerhati burung berdaftar di Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Kedua-dua kursus berkenaan telah dikendalikan secara kerjasama di antara pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan dan pihak Kolej Peniagaan Laksamana (Laksamana College of Business-LCB), iaitu sebuah institusi yang telah dilantik bagi mengendalikan Kursus Asas Pemandu Pelancong dan juga Kursus Asas Pemandu Pelancong Pakar Memerhati Burung di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kursus asas berkenaan diadakan bertujuan untuk meningkatkan dan memantapkan kemahiran seorang pemandu pelancong dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan memenuhi kehendak piawaian yang telah ditetapkan, menyelaras

maklumat dan informasi yang disalurkan oleh setiap pemandu pelancong adalah tepat dan betul serta membuka pelbagai peluang pekerjaan yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk tempatan khususnya dalam kalangan belia-belia di negara ini.

Bagi Kursus Asas Pemandu Pelancong Pakar Memerhati Burung pula bertujuan, untuk melengkapkan peserta dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menjadi pakar pemandu pemerhati burung yang cekap.

Kursus yang telah disediakan berkenaan akan menjadi intensif program asas untuk memberi peserta atau individu pemahaman dan pengetahuan yang mendalam tentang pelbagai jenis burung tempatan, habitat dan tingkah laku burung-burung di mana ia akan meningkatkan kualiti dan profesionalisme perkhidmatan pemandu pelancong di negara ini agar dapat memberikan pengalaman yang lebih baik dan berkualiti kepada pengunjung.

Kursus berkenaan juga dapat memberikan *invaluable insights*, meningkatkan prospek pelancong menyaksikan penampakan burung yang jarang ditemui atau yang ada di NBD dan belajar tentang kepentingan usaha pemuliharaan untuk melindungi *avifauna* yang ada di negara ini.

Bagi pemandu pelancong yang telah lulus kursus-kursus asas berkenaan adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP bagi mendapatkan Lesen Pemandu

Pelancong.

Mana-mana individu yang belum berdaftar dan belum mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong adalah menjadi satu kesalahan jika didapati mengendalikan perkhidmatan pemandu pelancong tanpa lesen yang sah atau mengiklankan atau menawarkan perkhidmatan pelancongan persendirian boleh dikenakan denda mengikut Seksyen 20(3) Akta Pelancongan, Penggal 239, iaitu bagi kesalahan pertama, denda tidak melebihi BND5,000 dan bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda akan dikenakan tidak melebihi BND10,000.

Kerjaya profesi sebagai pemandu pelancong sememangnya sangat-sangat diperlukan dalam sektor pelancongan di negara ini sementara profesi sebagai pemandu pelancong pakar memerhati burung dapat berpeluang untuk meneruskan kerjaya yang bermanfaat dalam menawarkan pengalaman yang unik kepada pelancong yang meminati memerhati burung yang semakin lama dan semakin

popular.

Penganjuran kursus-kursus berkenaan adalah selaras dengan usaha berterusan Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk membangunkan sektor pelancongan NBD melalui peningkatan kualiti sumber manusia.

Diharapkan agar para peserta dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dalam menjalankan tugas sebagai pemandu pelancong, seterusnya menyumbang kepada kemajuan industri pelancongan negara.

Memandangkan adanya keperluan dan permintaan tinggi bagi pemandu pelancong, Jabatan Kemajuan Pelancongan mempelawa para belia terutamanya yang sedang dan masih mencari pekerjaan untuk mengikuti kursus yang ditawarkan.

Pendaftaran kursus akan dibukakan bagi penyertaan orang ramai dan kursus seterusnya akan diadakan pada Oktober 2025.

Untuk sebarang pertanyaan dan pendaftaran, bolehlah menghubungi LCB.

## 5 keluarga terima sumbangan

Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Daerah Brunei dan Muara

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Mac. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) dengan kerjasama Brunei Shell Marketing (BSM) telah mengadakan Program Ihsan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi bagi golongan yang kurang berkemampuan melalui sumbangan berbentuk makanan asasi ke rumah-rumah golongan kurang bernasib baik.

Sebanyak lima buah keluarga di sekitar Daerah Brunei dan Muara telah menerima sumbangan tersebut. Rombongan diketuai oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Turut serta, pegawai dan kakitangan dari JDBM, ketua-ketua kampung dan pegawai-pegawai BSM yang juga ikut serta menyumbangkan derma pada program hari ini.



SUASANA pada Program Ihsan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang dijalankan di sekitar Daerah Brunei dan Muara (kiri dan kanan).



# Meraikan dan menyambut Aidilfitri



**B**ERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Sekarang kita telah pun berada di penghujung bulan Ramadan dan inilah masanya bagi kita untuk terus meningkatkan lagi ibadah dan amal kebajikan untuk memperoleh ganjaran yang berlipat ganda yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Kita tidak pasti adakah kita akan berpeluang lagi untuk bertemu dengan Ramadan yang akan datang. Berbahagialah mereka yang mendapati Ramadan lalu dosa-dosanya diampuni oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Maka marilah kita manfaatkan baki-baki yang ada di bulan Ramadan ini dengan diisi dengan pelbagai ibadah dan amal kebajikan.

Dengan berakhirnya bulan Ramadan yang Mubarak ini, maka umat Islam akan menyambut kedatangan bulan Syawal dengan meraikan Aidilfitri, iaitu hari

kemenangan bagi umat Islam setelah berjaya menunaikan ibadah puasa selama sebulan dan mengharungi perjuangan melawan hawa nafsu. Dalam meraikan dan menyambut Aidilfitri, kita perlulah mengamalkan sikap kesederhanaan untuk mengelakkan pembaziran. Oleh itu, sambutlah Aidilfitri dengan sederhana dan berhemah, janganlah berbelanja lebih daripada kemampuan yang akhirnya akan menyusahkan dan membebankan diri sendiri. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 26-27 :

**Tafsirnya** : "Dan berikanlah kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturahim) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaannya iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak). Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhanmu".

Semasa membuat persiapan berhari raya, janganlah kita lahal dan leka kerana pada waktu inilah kita sewajarnya merebut peluang untuk mempertingkatkan lagi amal ibadah. Satu perkara yang perlu kita ingat sebagai umat Islam adalah membayar Zakat Fitrah untuk diri sendiri dan tanggungan dan jangan sampai luput waktu membayarnya.

Sesungguhnya mengeluarkan zakat adalah salah satu daripada Rukun Islam yang wajib kita tunaikan. Zakat hukumnya wajib ke atas setiap orang Islam yang mencukupi syarat-syaratnya, sama ada Zakat Fitrah mahupun Zakat Harta. Daripada Ibnu Abas Radiallahuanhu katanya :

**Maksudnya** : "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memfardukan Zakat Fitrah sebagai pujian bagi orang yang berpuasa daripada perkara yang sia-sia dan keji serta memberi makan kepada orang-orang miskin". (Hadis Riwayat Abu Daud)

Sesungguhnya Zakat Fitrah itu mengandungi banyak rahsia dan hikmah. Antaranya ialah untuk menampali kekurangan yang tidak diketahui atau tidak sengaja dilakukan semasa melakukan

ibadah puasa. Ini kerana kadangkala orang yang berpuasa ini terlanjur mengeluarkan kata-kata yang keji atau melakukan perbuatan-perbuatan yang dilarang dalam Islam dengan tidak sengaja seperti mengumpat, memaki orang dan seumpamanya. Semua ini mengotorkan jiwa orang yang berpuasa.

Oleh sebab itu, agama kita memerintahkan setiap umat Islam supaya mengeluarkan zakat untuk menyucikan jiwa orang yang berpuasa dan menampali kekurangan-kekurangan yang dilakukan semasa berpuasa. Selain itu, tujuan Zakat Fitrah juga boleh juga dilihat dari sudut kemasyarakatan, di mana dengan mengeluarkan zakat akan menimbulkan kasih sayang, kegembiraan dan keharmonian di dalam suatu kelompok masyarakat, terutama sekali yang fakir miskin dan orang-orang yang berhajat padanya.

Tujuan utama Sambutan Aidilfitri ialah untuk meraikan kejayaan hamba-hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang telah berjaya melaksanakan ibadah puasa dengan penuh keimanan dan ketakwaan. Oleh itu, sambutan yang dilakukan juga biarlah mengikut ajaran dan landasan agama, antaranya :

**Pertama** : Pada malam Hari Raya Pertama kita disunatkan menghidupkan malam tersebut dengan laungan takbir, bacaan Al-Quran, berzikir, berdoa dan sebagainya. Bukannya meraikan malam tersebut dengan perkara-perkara yang membahayakan dan memudaratkan apatah lagi dengan membuat perkara-perkara yang mengganggu ketenteraman orang lain dan elakkanlah membuat persiapan di saat-saat akhir sampai larut malam sehingga menyebabkan ada yang tidak sempat mendirikan Sembahyang Fardhu Subuh dan terlepas Sembahyang Sunat Aidilfitri kerana tidak terjaga dan keletihan.

**Kedua** : Pada pagi Hari Raya pula, kita disunatkan mandi dengan niat kerana kedatangan Aidilfitri. Kita juga disunatkan untuk memakai bau-bauan yang harum, membersihkan diri dengan memotong kuku dan memakai pakaian yang paling elok kerana hari tersebut merupakan hari untuk berhias-hias dan berelok-elok. Sebelum ke masjid untuk bersembahyang Hari Raya

pula, kita disunatkan memakan buah kurma dengan bilangan yang ganjil, inilah yang diamalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebelum ke masjid untuk mendirikan Sembahyang Aidilfitri. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu ia berkata :

**Maksudnya** : "Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak keluar pada waktu pagi Hari Raya Fitrah sehingga Baginda makan (terlebih dahulu) beberapa biji tamar dan Baginda memakannya dalam bilangan ganjil". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

**Ketiga** : Mendirikan Sembahyang Sunat Hari Raya, ia adalah perkara yang paling penting dan utama dalam kita menyambut Hari Raya dari perkara-perkara sunat yang lain. Daripada Al-Bara bin Azib Radiallahuanhu ia berkata :

**Maksudnya** : "Aku mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berkhotbah, sesungguhnya yang awal-awal sekali kita mulakan pada hari ini (Hari Raya) ialah sembahyang". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

**Keempat** : Aidilfitri adalah hari persaudaraan dan hari kegembiraan. Di hari ini disunatkan sesama Islam saling mengucap tahniah dengan mendoakan di antara satu sama lain seperti mengucapkan :

**Maksudnya** : "Semoga Allah menerima daripada kita dan menerima daripada kamu".

Akhirnya, marilah kita sama-sama meraikan dan menyambut hari kemenangan iaitu Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi dengan tidak mencemari sambutan tersebut dengan perkara-perkara dosa dan maksiat setelah sebulan kita berpuasa. Semoga segala ibadah, amal kebajikan dan doa kita diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala serta seluruh dosa kita diampunkan dan kita dipertemukan lagi dengan Ramadan pada tahun berikutnya. Amin Ya Rabbal Alamin.

**Tafsirnya** : "Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebajikan untuk membawa kamu) kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa". (Surah Ali-Imran, ayat 133)

## Akibat memiliki pelbagai jenis rokok, minuman keras



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Pegawai Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Unit Operasi (Cawangan Daerah Belait) telah menjalankan tangkapan terhadap defendor pada 5 Mac 2025, jam 3.15 petang.

Sementara semua barang yang terlibat, iaitu rokok dan minuman keras dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

**BELAIT**, Khamis, 27 Mac. - Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND65,100 atau 23 bulan pemerlukan jika gagal membayar denda berkenaan terhadap seorang lelaki warga Bangladesh.

Majistret Nur Eleana binti Dato Seri Paduka Haji Hairi Arni memutuskan hukuman tersebut selepas Lalchand Mahmud Santo, 28 tahun mengaku bersalah atas dua pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, defendant didakwa atas kesalahan memiliki 57 karton dan 10 paket rokok dan memiliki 28 botol minuman keras pelbagai jenis tanpa permit dan kebenaran yang sah yang ditemui di rumah Kampung Lumut, Kuala Belait.

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

- 'Cabaran Peluang Pekerjaan Untuk Generasi Muda.' Tarikh Tutup : 2 April 2025
- 'Pembayaran Dalam Talian : Selamat Atau Bahaya?' Tarikh Tutup : 9 April 2025
- 'Galakkan Belia Ceburi Bidang Pertanian' Tarikh Tutup : 16 April 2025

### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)



### PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

+673 7371961



query@spa.gov.bn



PSC BN

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN		URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	PEMBANTU PEJABAT E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) JABATAN-JABATAN KERAJAAN 2025/MAR/03/JJK	JABATAN PERKHIDMATAN AWAM	12	7(A)	05 APRIL 2025
2.	PEMBANTU STADIUM DAN KOMPLEKS SUKAN D.3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) JABATAN BELIA DAN SUKAN 2025/MAR/04/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	02	7 (A)	05 APRIL 2025
3.	KETUA PEGAWAI IMIGRESEN KANAN B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN 2025/MAR/03/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI	01	7 (A)	05 APRIL 2025
4.	KETUA JURUTEKNIK MAKMAL M.9 EB.10 (BAHAGIAN III) JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL 2025/MAR/01/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	7(A) Luar Bidang	05 APRIL 2025
5.	PENOLONG PENGARAH KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI 2025/MAR/04/JPM	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	07 MAC 2025

1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFILE PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLAKUKAN DIBAWAH PERATURAN ITIAH SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

Isnin.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
8 April 2025,  
Selasa,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Tempat Tutup:**  
Lembaga Tarawar Kecil,  
Tingkat Bawah,  
Kementerian Pembangunan,  
Jalan Lapangan Terbang  
Lama Berakas,  
Bandar Seri Begawan,  
BB3510,  
Negara Brunei Darussalam.

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
BND5.00  
Tidak Dikembalikan  
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]



Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas III sahaja dan Kategori Kerja S02 dan S07 bagi:

**Nama Projek:**  
Three (3) Years Term Contract For General Maintenance Works at RPN Kg Lambak Kanan In Brunei-Muara District, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Projek:**  
JKP / 01 / 2025

Tender Information Pack boleh dipohonkan dan didapati dengan menghantar e-mel kepada [tender.jkp@hdd.gov.bn](mailto:tender.jkp@hdd.gov.bn).

**Tarikh Buka Tawaran:**  
24 Mac 2025,



## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Sebut Harga :**  
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 1 / 2024 - 2025 (R)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Mengendalikan Perkhidmatan Kantin Selama Dua (2) Tahun Di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Selama Sebelas (11) Bulan Bagi Tahun 2025.

**Tarikh Tutup Sebut Harga Dilanjutkan Sehingga :**

17 April 2025,  
Khamis,  
Jam 2.00 Petang.

**Tarikh Taklimat (Jika Berkenaan):**  
27 Mac 2025,  
Khamis,  
Jam 10.00 Pagi.

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)  
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



**Bilangan Sebut Harga :**  
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 1 / 2024 - 2025 (R)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Membekalkan Jamuan Bagi Mesyuarat-Mesyuarat Di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Selama Sebelas (11) Bulan Bagi Tahun 2025.

**Tarikh Buka Sebut Harga:**  
10 Mac 2025, Isnin.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
10 April 2025.  
Khamis,  
Jam 2.00 Petang.

**Tarikh Taklimat (Jika Berkenaan):**  
25 Mac 2025.  
Selasa,  
Jam 9.00 Pagi.

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga :**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)  
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



## JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibuka kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

**Kelas :**  
III, IV dan V

**Kategori:**  
KPB12

**Tarikh Buka Tawaran pada:**  
Sabtu,  
29 Mac 2025.

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**  
Sabtu,  
15 April 2025.

**Tarikh Tutup Pada:**  
Selasa,  
22 April 2025.  
Sebelum jam 2.00 Petang.

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tarawar Kecil di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

### JASTRE / BL / T006 / 2025

Kerja-kerja Pemeliharaan Landskap di Lebuh Raya Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Negara Brunei Darussalam bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.

**No. Projek:**  
JASTRE / BL / T006 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)



## JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 57

**Tajuk Tawaran:**  
Basic First Aid Course For Tourism Service Providers

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis,  
24 April 2025.  
Jam 2.00 Petang.

**1. Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 52

**Tajuk Tawaran:**  
Event Management Services For ITB China 2025, Shanghai, China 27th – 29th May 2025

**2. Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 53

**Tajuk Tawaran:**  
Event Management Services For Seoul International Travel Fair, Seoul, Korea, 5th – 8th June 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis,  
17 April 2025.  
Jam 2.00 Petang.



Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas III sahaja dan Kategori Kerja S02 dan S07 bagi:

**Nama Projek:**  
Three (3) Years Term Contract For General Maintenance Works at RPN Kg Lambak Kanan In Brunei-Muara District, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Projek:**  
JKP / 01 / 2025

Tender Information Pack boleh dipohonkan dan didapati dengan menghantar e-mel kepada [tender.jkp@hdd.gov.bn](mailto:tender.jkp@hdd.gov.bn).

**Tarikh Buka Tawaran:**  
24 Mac 2025,



Di Dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

KES NO. BCY / CP / 243 / 2024

**BANK ISLAM BRUNEI  
DARUSSALAM BERHAD**  
... Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**HAJI ALIAS BIN HAJI MD ALI**  
BYIC NO. 00-271635  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 15 Februari 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**  
HAJI ALIAS BIN HAJI MD ALI  
No. 12, Simpang 80,  
Jalan Bukit Bintagur,  
RPN Kampung Panchor,  
Mengkubau. BU 1719.  
Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen:**  
1 Oktober 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 6 Mac 2025

KES NO. BCY / CP / 243 / 2024

**BANK ISLAM BRUNEI  
DARUSSALAM BERHAD**  
... Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**HAJI ALIAS BIN HAJI MD ALI**  
BYIC NO. 00-271635  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 15 Februari 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-11), Mahkamah Besar pada 9 April 2025 jam 9.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu

mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 9 April 2025 jam 9.00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalalannya.

Bertarikh: 6 Mac 2025

**Hajah Ervy Sufitriana  
binti Haji Abdul Rahman**  
Timbalan Penerima Rasmi  
b/p Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 235 / 2024

**PERBADANAN TABUNG  
AMANAH ISLAM BRUNEI**  
... Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**SAHARI BIN NICKMAN**  
BYIC No. 00-122397  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 22 Februari 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**  
SAHARI BIN NICKMAN  
No. 27, Simpang 77,  
Bukit Sinadur,  
RPN Kg. Panchor  
Mengkubau, BU1921,  
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 23 Oktober 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 8 Mac 2025

KES NO. BCY / CP / 235 / 2024

**PERBADANAN TABUNG  
AMANAH ISLAM BRUNEI**  
... Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**SAHARI BIN NICKMAN**  
BYIC No. 00-122397  
... Penghutang Penghakiman /

## IKLAN

Penentang

#### Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 22 Februari 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di

Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 14 Mei 2025 jam 9.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 14 Mei 2025 jam 09.00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalalannya.

Bertarikh: 8 Mac 2025

KES NO. BCY / CP / 578 / 2010

**BAIDURI BANK  
SENDIRIAN BERHAD**  
(formerly known as  
Baiduri Bank Berhad)  
... Pemutang / Pemetisyen

**MOHAMMAD FIRZAN  
BIN HAJI HAMDI**  
[Kad Pengenalan Brunei  
No. 00-282275 - Kuning]  
... Penghutang / Penentang

#### Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 15 Februari 2025.

**Nama dan alamat Bankrap:**  
MOHAMMAD FIRZAN  
BIN HAJI HAMDI,  
No. 1, Simpang 113,  
Kg. Perpindahan, STKRJ Rimba,  
Gadong, BE3119,  
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:  
26 Oktober 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 8 Mac 2025

**Muhd Muzakkir bin Haji Zakaria**

Timbalan Pegawai  
Penerima Rasmi  
b/p Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 249 / 2024

**PERBADANAN TABUNG  
AMANAH ISLAM BRUNEI**  
... Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**ABDUL AZIZ BIN HAJI  
SULAIMAN**  
BYIC NO. 00-292140  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 1 Februari 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**  
ABDUL AZIZ  
BIN HAJI SULAIMAN  
No. 21, Simpang 665-2,  
Jalan Membarong,  
Kampung Lumapas.  
Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen:  
21 Oktober 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh:  
10 Mac 2025

**Nuuror-Raheebah  
binti Haji Abd Wahab**  
Timbalan Pegawai  
Penerima Rasmi  
b/p Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 53 / 2013

#### Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama

**Nama Penghutang** - AK  
HAMDANI BIN PG HAJI  
METUSSIN (BYIC NO. 00-298374)  
**Alamat** – No. 27, Spg 91, Jalan  
Bukit Bintagur, RPN Panchor  
Mengkubau, Negara Brunei  
Darussalam **Mahkamah** –  
Mahkamah Besar, Negara Brunei  
Darussalam **Nombor** –  
Kebankrapan Bil. 53 Tahun 2013  
**Banyaknya bagi tiap-tiap satu  
ringgit** – 28 % Pertama atau  
terakhir selainnya – Pertama **Bila  
kena dibayar** – Pejabat  
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat  
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,  
Negara Brunei Darussalam.

**Muhammad Syafiq  
bin Awang Haji Zakaria**  
Timbalan Pegawai  
Penerima Rasmi  
b/p Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

Bertarikh:  
10 Mac 2025

**KES NO. BCY / CP / 549 / 2016**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**

[Previously Filed by HSBC  
Finance (B) Berhad]  
... Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**AIDE BIN AWANG**  
(BYIC No.00-123121)  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 14 September 2017 telah dibatalkan pada 22 Februari 2025.

**Nama Penghutang:**  
Aide Bin Awang

#### Alamat Penghutang:

No.133, Jln 60,  
RPN Kg. Rimba Gadong, BE3119,  
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:  
10 Mac 2025

**Mohammad Marzuqi bin Sabtu**

Timbalan Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar  
Brunei Darussalam

KES NO. BCY / CP / 275 / 2024

**BANK ISLAM BRUNEI  
DARUSSALAM BERHAD**  
... Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**MOHD AYOB  
BIN HJ ABD HALIM**  
BYIC NO. 00-113944  
... Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 1 Mac 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**  
MOHD AYOB BIN HJ ABD HALIM  
No. 64, Simpang 361,  
Jalan Muara,  
Kampung Sungai Tilong, BC 3315.  
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:  
20 November 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh:  
10 Mac 2025



Di Dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

**KES NO.**  
**BCY / CP / 337 / 2020**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**  
... Pemutang / Pemetsyen

**IBRAHIM BIN ROSLI**  
@ IBHARIM BIN ROSLI  
[ BYIC NO. 01-114300 ]  
... Penghutang / Penentang

#### Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **6 Mac 2025**.

**Nama dan alamat Bankrap:**  
IBRAHIM BIN ROSLI  
@ IBHARIM BIN ROSLI,  
Flat No. 1, Ground Floor,  
Jalan Ong Sum Ping,  
Gadong, BB 3913.  
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:  
10 Januari 2025

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
11 Mac 2025

**KES NO.**  
**BCY / CP / 42 / 2019**

#### Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama

**Nama Penghutang** – ALIASIN BIN SABLE (BYIC NO. 00-298658)  
**Alamat** – No. 1, Spg. 33-20, Jalan Paya, Perumahan Bukit Beruang, Tutong, Negara Brunei Darussalam  
**Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam  
**Nombor** – Kebankrapan Bil. 42 Tahun 2019  
**Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 22 % Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 26 Februari 2025  
**Di mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
11 Mac 2025

**Muhammad Syafiq bin Awang Haji Zakaria**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi b/p Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**KES NO.**  
**BCY / CP / 119 / 2024**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**  
... Pemutang Penghakiman / Pemetsyen

**NURHAZERAH BINTI HAJI SABALI**  
BYIC No. 01-051550  
... Penghutang Penghakiman / Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 11 Januari 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**  
NURHAZERAH BINTI HAJI SABALI FG2, Room 10, Jalan Pantai, Berakas Kem, Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:  
24 Julai 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:  
11 Mac 2025

**KES NO.**  
**BCY / CP / 119 / 2024**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**  
... Pemutang Penghakiman / Pemetsyen

**NURHAZERAH BINTI HAJI SABALI**  
BYIC No. 01-051550  
... Penghutang Penghakiman / Penentang

#### Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 11 Januari 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 28 April 2025 jam 9.15 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-buktamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 28 April 2025 jam 9.15 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:  
11 Mac 2025

**Fatin Fikriyah binti Haji Rosli**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**KES NO.**  
**BCY / CP / 287 / 2006**

#### Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir

**Nama Penghutang** - HAJI ABD LATIP BIN HAJI A. SALLEH (ALLAHYARHAM) (BYIC NO. 00-011235) **Alamat** - No. 15, Simpang 725, Kampung Masin BH2723, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** - Kebankrapan Bil. 287 Tahun 2006 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 14 % Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir **Bila kena dibayar** - 11 Februari 2025 **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
11 Mac 2025

#### Nur Sariy Syahmina binti Jaffri

Timbalan Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar Brunei Darussalam

**KES NO.**  
**BCY / CP / 386 / 2018**

#### Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama

**Nama Penghutang** - WASULHANA BINTI HAJI SUDIN (BYIC NO. 00-274600) **Alamat** - No. 23, Spg 396-39-4, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan BC4115, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** - Kebankrapan Bil. 386 Tahun 2018 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 77 % Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila kena dibayar - 23 September 2024 **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
13 Mac 2025

**KES NO.**  
**BCY / CP / 187 / 2003**

#### Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama

**Nama Penghutang** - MOHD HIRWAN BIN IBRAHIM (BYIC NO. 00-257616) **Alamat** - No: 9, Simpang: 59, Kg Bunut, Jalan Tutong BF1320, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** - Kebankrapan Bil. 187 Tahun 2003 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 32 % Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila kena dibayar - 20 November 2024 **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
13 Mac 2025

**Muhd Muzakkir Bin Haji Zakaria**  
Timbalan Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar Brunei Darussalam



#### JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**  
JDT / KPD / 02 / 2025 - 2026

**Tajuk Tawaran:**  
Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Di Kawasan Helipad, Kawasan Padang Futsal Berdekatan Dewan Utama, Kawasan Luar Rumah Rasmi Pegawai Daerah dan Kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup:**  
Isnin,  
7 April 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
MINDEF / DFA / RC / 65 (11)  
Supply, Delivery,  
Installation, Configuration  
Testing, Training, Preventive And  
Corrective Maintenance  
(Repair And Replace)  
Of Intruder Detection System (IDS) For  
Ministry Of Defence – 5 Years Contract

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran**  
adalah  
**Selasa, 22 April 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
6 Mei 2025,  
2.00 Petang.



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)



### DI PELITA BRUNEI

- IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400  
**sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

# PROGRAM JOM BERBAGI REZEKI GALAK BELIA SERTAI AKTIVITI BERKEBAJIKAN



**PEMANGKU** Pengarah Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Program Jom Berbagi Rezeki (atas dan kanan).

**Berita dan Foto :** Jabatan Hal Ehwal Masjid

**LUMAPAS**, Rabu, 26 Mac. - Bagi menggalakkan penyertaan belia dalam aktiviti kebajikan, terutama bagi membantu golongan yang memerlukan dengan pemberian sumbangan berbentuk makanan dan keperluan asas, Belia Masjid Ashabul Akhyar, Kumpulan Belia Masjid Kampung Lumapas telah

menganjurkan Program Jom Berbagi Rezeki buat kali pertama kepada golongan yang memerlukan yang menetap di Kawasan Mukim Lumapas dan sekitar Kampung Lumapas.

Aktiviti berkenaan bertujuan untuk meringankan beban golongan yang memerlukan



semasa menyambut kedatangan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang serta mengimarahkan bulan suci Ramadan,

Seramai 43 orang telah dikenal pasti sebagai penerima sumbangan yang terdiri daripada golongan fakir miskin, asnaf dan keluarga yang tidak berkemampuan.

Program Jom Berbagi Rezeki tersebut dimulakan di Masjid Kampung Lumapas dan

seterusnya beredar ke rumah-rumah golongan yang memerlukan.

Program juga dihasrat untuk mengerakkan silaturahim antara pihak masjid, belia dan masyarakat sekitar serta meningkatkan lagi kesedaran kepentingan berbagi rezeki di dalam bulan yang penuh keberkatan ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Pemangku Pengarah Jabatan Hal

Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Program Jom Berbagi Rezeki tersebut dihasratkan dapat memberikan manfaat kepada mereka yang memerlukan dan menjadi satu usaha berterusan dalam memperkuuh semangat kebersamaan dalam masyarakat serta mendapat keberkatan dan diterima sebagai amal soleh oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

## Aktiviti kebajikan JPMC perkukuh kesejahteraan komuniti



**SEKITAR** kempen derma komuniti yang diadakan oleh Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) (atas, kanan dan bawah kanan).

**Berita dan Foto :** Pusat Perubatan Jerudong Park

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Mac. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) baru-baru ini mengadakan Kempen Derma Komuniti, yang bertujuan untuk menyokong pesakit kurang berasib baik di bawah jagaan Jabatan Kerja Sosial Perubatannya.

Diketuai oleh Ketua Pegawai Perubatan JPMC, Dr. Meera Sahib Kabeer dan Pemangku Ketua Pegawai Operasi, Bun Pei Ling, dan bersama ahli pasukan pengurusan kanan serta kakitangan yang berdedikasi, inisiatif itu menghimpunkan lebih 90 sukarelawan untuk menyampaikan bantuan penting kepada mereka yang memerlukan.

Kutipan derma itu disumbangkan kepada 25 isi rumah di Daerah Brunei dan Muara, Tutong, dan Belait, termasuk kawasan seperti Rimba, Mentiri, Katok, Kasat, Sengkurong,

Limau Manis dan Kuala Belait. Sumbangan termasuk barang-barangan asasi dan kewangan yang disediakan oleh JPMC dan disumbangkan oleh kakitangannya.

Sumbangan telah dipilih dengan teliti untuk membantu penerima dengan keperluan harian mereka dan membawa kegembiraan pada bulan suci Ramadan dan sambutan Aidilfitri yang akan datang.

Dibagi kepada lima kumpulan, sukarelawan memastikan penghantaran yang cekap dan bermakna kepada semua penerima.

Sumbangan itu disambut dengan gembira oleh para penerima dan keluarga mereka, dengan rasa berterima kasih kerana telah berkesudian memberi sumbangan.

Inisiatif ini menyerlahkan komitmen berterusan JPMC terhadap kebajikan masyarakat



dan semangat kebersamaan dalam kalangan kakitangannya.

Melalui usaha kolektif mereka untuk meningkatkan pesakit yang kurang berasib baik, kakitangan JPMC telah menunjukkan nilai beras kasihan, empati dan

penjagaan organisasi yang berkekalan terhadap komuniti.

JPMC merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua kakitangan yang menyumbang kepada kejayaan ini sama ada melalui derma atau

menyumbangkan masa mereka secara sukarela.

Organisasi itu kekal berdedikasi untuk terus memberi sokongan dan inisiatif masa depan yang mengukuhkan kesejahteraan komuniti.

# KONGSI CABARAN, AMALAN TERBAIK ANTARA AHLI NEGARA INTERPOL



SESI bergambar ramai pada mesyuarat dan bengkel 'The Regional Debriefing Meeting of Operation LIBERTERRA II and Cyber Challenges in the Smuggling of Migrants and Human Trafficking (CCISOM) Workshop' bermula 25 hingga 28 Mac 2025.

**Berita dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**HANOI, VIET NAM**, Rabu, 26 Mac. - Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menghadiri mesyuarat dan bengkel 'The Regional Debriefing Meeting of Operation LIBERTERRA II and Cyber

Challenges in the Smuggling of Migrants and Human Trafficking (CCISOM) Workshop' bermula 25 hingga 28 Mac 2025 yang dihadiri oleh pihak Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia (USPM), Jabatan Siasatan

Jenayah (JSJ) dan Unit Hal Ehwal Luar, INTERPOL dan ASEANAPOL, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Ini merupakan kesinambungan daripada kursus 'The Human Trafficking and Smuggling of Migrants Unit Operation LIBERTERRA II (Pre-Operational

Hybrid and Operational Coordination)' yang telah dihadiri pada 27 September 2024 hingga 4 Oktober 2024.

Mesyuarat dan bengkel diadakan secara serentak adalah bertujuan untuk membincangkan mengenai hasil daripada laporan

yang dikumpul dan diperoleh semasa Operation LIBERTERRA II yang lepas.

Pada masa yang sama, ia memberikan peluang kepada para delegasi untuk berkongsi amalan terbaik, cabaran-cabar dan kolaborasi serta kerjasama dengan ahli negara INTERPOL.

Manakala bengkel bertujuan untuk mempelajari ciri-ciri mangsa, pendatang asing dan orang yang ditangkap, kos smuggling of migrants (SOM), laluan yang digunakan, modus operandi, temu bual dengan pendatang asing dan mangsa, dan isu-isu lain yang berkaitan.

Sebanyak 20 negara dari negara ahli INTERPOL telah mengikuti mesyuarat dan bengkel serentak ini yang terdiri daripada National Central Bureau (NCB) dan pegawai-pegawai penyiasat di mana sejumlah 116 negara yang telah mengambil bahagian menyertai di dalam Operasi LIBERTERRA II ini.

## PAPDA terima sumbangan derma

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ihsan Persatuan Orang-orang Cacat Berkerusi Roda dan Cacat Anggota

**GADONG**, Rabu, 26 Mac. – Persatuan Orang-orang Cacat Berkerusi Roda dan Cacat Anggota (PAPDA) baru-baru ini telah menerima sumbangan derma daripada Premier Dental and Orthodontic Centre (PDOC) pada Majlis Penyampaian Derma yang

diadakan di Rumah PAPDA, Kampung Kiarong, di sini.

Hadir ke majlis tersebut ialah Timbalan Pengerusi PAPDA, Awang Haji Sahari bin Haji Tinggal; dan Pengarah PDOC, Dr. Murali Rao.

Terdahulu itu, majlis dimulakan

dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan ucapan daripada Pengarah PDOC, dan disusuli dengan penyampaian derma.

PDOC telah mendermakan wang berjumlah BND6,000 setahun untuk selama tiga tahun pertama khusus bagi penjagaan dan pengawasan rumah PAPDA, iaitu pembentukan eluan sebulan seorang caretaker dan seorang pembersih.

Timbalan Pengerusi PAPDA dalam ucapannya antara lain menjelaskan, dengan adanya sumbangan tersebut, persatuan itu sekarang akan dapat melaksanakan program dan aktiviti persatuan untuk kemanfaatan ahli biasa yang selama ini tidak dapat dilaksanakan.

Beliau seterusnya mengongsikan bahawa sebanyak tiga program telah dikenal pasti

yang dapat dilaksanakan dalam masa yang singkat iaitu perusahaan menjahit; workshop (bengkel); dan membuat kek, biskut, dan kuih-muih.

"Inilah harapan ahli-ahli kami, dan dengan adanya kemurahan hati orang berseorangan dan organisasi seperti Premier Dental and Orthodontic Centre, harapan kami ini, InsyaAllah akan tercapai," ujarnya lagi.

**Kanser Kolorektal**

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

**Faktor Risiko:**

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah menghidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Meminum minuman keras yang berlebihan.

**Langkah Pencegahan:**

- Tidak merokok.
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan meminum minuman keras.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

**Tanda-tanda kanser kolorektal:**


- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA  
Selamat Ulang Tahun

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari [www.ppk.gov.bn](http://www.ppk.gov.bn)



SUASANA pada Majlis Penyampaian Derma yang diadakan di Rumah Persatuan Orang-orang Cacat Berkerusi Roda dan Cacat Anggota (PAPDA), Kampung Kiarong (atas dan bawah).



# 3 PELAJAR NBD RAIH KEJAYAAN MUSABAQAH MENGHAFAZ AL-QURAN

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

**KAHERAH**, Rabu, 26 Mac. - Seramai tiga pelajar Negara Brunei Darussalam (NBD) yang melanjutkan pengajian di Republik Arab Mesir meraih kejayaan dalam Musabaqah Menghafaz Al-Quran bagi Penuntut Warga Asing di Republik Arab Mesir Kali Pertama Peringkat Akhir Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang telah diadakan di Dewan Idarah Al-Aamah Lil-Wafidin, Kaherah, Republik Arab Mesir.

Dayang Najla' Sabreena binti Haji Abdul Rajid telah berjaya mendapat tempat kedua bagi Kategori Tilawatil Quran dengan markah 97 peratus. Sementara itu, Awang Muhammad Faiz bin Fisol pula telah berjaya mendapat tempat ketiga bagi Kategori Menghafaz Al-Quran 30 Juz dengan markah 98.5 peratus, manakala Awang Muhammad Wafiq Syahmi bin Haji Mahali juga telah mendapat tempat ketiga dengan markah 91.5 peratus bagi Kategori Menghafaz Al-Quran 5 Juz.

Musabaqah yang dianjurkan oleh Al-Quran Fellowship (Indonesia) dengan kerjasama Al-Azhar ini telah menyaksikan penyertaan daripada seramai 150 penuntut daripada 16 buah negara, iaitu NBD, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura, Thailand, Myanmar, Kemboja, Filipina, Nigeria, Pakistan, India, Bangladesh, Burkina Faso, Uzbekistan, Rusia dan Kyrgyzstan.

Hadir selaku tetamu khas ke musabaqah peringkat akhir tersebut ialah Ataci (Pelajaran dan Kebudayaan), NBD, Awang Haji Mohd. Sujairi bin Haji Dollah.

Ketua Hakim Musabaqah, Dr. Syekh Luthfi Al-Widyawi Al-Azhari dalam ucapannya telah merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua pemenang serta peserta atas usaha dan pengorbanan mereka dalam menghafaz Al-Quran serta turut berharap agar musabaqah tersebut dapat terus memupuk semangat kecintaan terhadap Al-Quran dalam kalangan penuntut-penuntut di Republik Arab Mesir.

Kemuncak acara pada majlis tersebut adalah penyampaian sijil dan cenderahati kepada para pemenang dalam lima kategori yang dipertandingkan yang disampaikan oleh tetamu khas majlis dan para hakim.



ATACI (Pelajaran dan Kebudayaan), Negara Brunei Darussalam (NBD) ketika bergambar bersama tiga pelajar NBD yang menyertai musabaqah.

## BIBD perkenalkan akaun WhatsApp rasmi

Siaran Akbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Mac. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) akan melancarkan akaun WhatsApp Business rasminya pada 26 Mac

2025, memberikan pelanggan saluran komunikasi yang mudah. Perkhidmatan ini akan diperkenalkan secara berperingkat, bermula dengan

penghantaran Kata Laluan Satu Kali (One-Time Passwords - OTP) untuk transaksi e-Dagang dalam talian.

Saluran WhatsApp baharu ini meningkatkan kebolehpercayaan penghantaran OTP, terutamanya semasa melancang ke luar negara. Ia digunakan untuk pembelian dalam talian pada platform yang menyokong EMV 3D Secure.

Pengenalan WhatsApp untuk penghantaran OTP mengukuhkan komitmen BIBD terhadap pengalaman perbankan digital yang mengutamakan pelanggan. Pelanggan masih boleh memilih untuk menerima OTP melalui SMS, memberikan lebih fleksibiliti dan kawalan ke atas pengesahan transaksi.

Akaun Perniagaan WhatsApp rasmi BIBD akan muncul sebagai 'Bank Islam Brunei Darussalam' dengan tanda hijau yang disahkan, mengesahkan kesahihannya. Pelanggan mesti sentiasa menyemak tanda hijau ini sebelum menggunakan OTP untuk memastikan mereka berkomunikasi secara langsung dengan BIBD.

Pada peringkat ini, saluran WhatsApp BIBD tidak menyokong komunikasi dua hala, dan pelanggan belum dapat menggunakan untuk berinteraksi dengan BIBD. Walau bagaimanapun, BIBD sedang giat berusaha untuk membolehkan ciri ini dalam keluaran akan datang untuk meningkatkan kemudahan dan kebolehaksesan.

Pelanggan diingatkan untuk memastikan mereka berinteraksi dengan akaun WhatsApp rasmi BIBD dengan menyemak tanda yang disahkan di sebelah nama akaun. Langkah ini membantu melindungi daripada kemungkinan penipuan dan percubaan penyamaran.

AKAUN WhatsApp Business Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) akan muncul sebagai 'Bank Islam Brunei Darussalam' dengan tanda hijau yang disahkan, mengesahkan kesahihannya

## Green Brunei agihkan 100 pek makanan



ANTARA sukarelawan yang menyertai dalam menyediakan makanan yang diagihkan.

Siaran Akbar dan Foto : Green Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Mac. - Dalam hasrat untuk berkongsi rezeki di bulan Ramadan yang mulia ini, Green Brunei telah menjalankan inisiatif mengagihkan hidangan sungkai (berbuka puasa) kepada dua buah masjid iaitu Masjid Lambak dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan, baru-baru ini.

Pada acara berkenaan, para sukarelawan menyediakan 100 pek makanan terdiri daripada nasi, ayam dan sayur-sayuran yang diagihkan sama rata di kedua-dua masjid berkenaan dalam memberi manfaat kepada jemaah yang berkumpul untuk berbuka puasa.

Melalui inisiatif ini, Green Brunei terus komited untuk memupuk budaya kemurahan hati dalam masyarakat. Green Brunei berharap dapat memberi inspirasi kepada lebih ramai individu dan organisasi untuk menyumbang, mengukuhkan semangat belas kasihan dan perpaduan sepanjang Ramadan dan seterusnya.



**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**

+673 818 1800

 Share
 Search

Finance

Official WhatsApp Account of Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD)

Lot 159, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS8711, Brunei Darussalam

[contactcentre@bibd.com](mailto:contactcentre@bibd.com)

<https://bibd.com.bn/>



# Kerajaan komited memelihara, memulihara hutan

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto : Jabatan Penerangan

**N**EGARA Brunei Darussalam (NBD) sememangnya bertuah kerana memiliki hutan hujan yang subur di mana kira-kira 72 peratus kawasan bumi di negara ini dilindungi dengan hutan. Dengan keluasan tersebut, ketebalan hutan mampu menyerap 13.9 metrik tan karbon dioksida bersamaan dengan pelepasan karbon setiap tahun.

Di negara ini, Dasar Perhutanan Negara memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan hutan yang mampar, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 yang menekankan kepentingan kelestarian alam sekitar dalam mencapai kualiti kehidupan yang tinggi. Dasar tersebut merupakan dasar yang bertanggungjawab untuk memelihara, memajukan dan menguruskan sumber hutan bagi memelihara dan meningkatkan mutu kehidupan, menggalakkan kebijakan sosial, politik dan ekonomi rakyat.

Dalam perutusan bersempena Hari Hutan Antarabangsa 2025 yang diraikan setiap 21 Mac lalu, Menteri Sumber-Sumber

Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menyatakan bahawa melalui dasar Perhutanan Negara ini, NBD komited meningkatkan keluasan hutan simpan kepada sekurang-kurangnya 55 peratus daripada keluasan tanah negara, yang dikelasifikasi kepada Hutan Perlindungan, Hutan Pengeluaran, Hutan Rekreasi, Hutan Pemeliharaan dan Taman Negara bagi menjamin kestabilan ekologi serta kesejahteraan masyarakat.

"Sebagai agensi utama bagi Strategi 2 (Liputan Hutan) di bawah Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim NBD, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perhutanan akan terus komited dalam memelihara dan memulihara hutan di negara ini melalui Program Penghijauan dan Pemulihan Hutan yang bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan kapasiti hutan sebagai penyerap karbon tetapi juga menyokong keterjaminan makanan dengan mengekalkan kesuburan tanah, sumber air bersih, serta keseimbangan ekosistem yang penting," jelas Yang Berhormat.

Sementara itu semasa Mesyuarat

Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menjelaskan bahawa dalam mendukung pembangunan dan pemeliharaan sumber hutan negara, pihak kementerian akan terus memberi perhatian dalam usaha pemuliharaan hutan bagi menyokong pembangunan lestari, Dasar Perhutanan Negara dan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim. KSSUP jelas Yang Berhormat akan terus komited menyokong pemeliharaan sumber hutan bagi Program Penghijauan dan Pemulihan Hutan yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti hutan sebagai penyerap karbon.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, sejak tahun 2020, secara kumulatif sejumlah 185 ribu pokok telah ditanam iaitu mencapai 37 peratus daripada sasaran penanaman 500 ribu pokok menjelang tahun 2035. KSSUP juga sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meneroka potensi perdagangan karbon dalam meningkatkan kutipan hasil kerajaan termasuk perlaksanaan kajian keboleh pelaksanaan projek karbon hutan

dan projek inventori sumber hutan dan juga kerjasama dengan pihak yang berkaitan seperti Pejabat Perubahan Iklim Brunei. Inisiatif ini mendukung strategik enam, *carbon pricing* di bawah Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim NBD.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) secara rasmi telah mengisytiharkan 21 Mac sebagai Hari Hutan Antarabangsa dengan tujuan memperingati serta meningkatkan kesedaran global mengenai kepentingan semua jenis hutan. Tahun ini sambutan bertemakan 'Hutan dan Makanan' (Forests and Food) mengetengahkan hubung kait antara hutan dan kepentingannya dalam menyediakan sumber makanan kepada manusia serta peranan pentingnya dalam keterjaminan makanan (*food security*) global. Bersempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa yang diraikan baru-baru ini, marilah kita saling berganding bahu berusaha memelihara dan menjaga khazanah negara yang sangat bernilai ini agar tidak musnah dan pupus oleh aktiviti-aktiviti yang tidak bertanggungjawab.



## Jenis barang pelupusan yang diterima



Mushaf Al-Quran yang rosak atau lusuh.



Buku agama yang mengandungi ayat suci Al-Quran atau nama Allah.



Risalah, poster atau kertas yang mengandungi ayat-ayat suci.



Manuskrip dan bahan bercetak berkaitan agama Islam



Surat khabar, kalender, dan kad jemputan yang mengandungi potongan ayat Al-Quran.

# As-Suhuf menawarkan perkhidmatan pelupusan mematuhi Syariah Islam

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

### Pengenalan

**A**S-SUHUF merupakan sebuah syarikat berdaftar yang menyediakan perkhidmatan pelupusan mushaf Al-Quran serta bahan-bahan bercetak yang mengandungi ayat Al-Quran yang telah rosak atau tidak boleh digunakan lagi. Perkhidmatan ini diwujudkan bagi memastikan bahan-bahan tersebut dilupuskan dengan cara terhormat mengikut syariat Islam. Setiap lembaran Al-Quran layak diberi penghormatan walau apa pun keadaannya.

As-Suhuf diasaskan oleh Dayang Norhakimah binti Madali iaitu seorang alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Syarikat yang ditubuhkan pada penghujung tahun 2024 ini adalah sebagai inisiatif untuk menyediakan perkhidmatan pelupusan yang mematuhi syariah dan memberi kemudahan kepada masyarakat dalam menguruskan bahan-bahan suci dengan cara yang betul.

### Kenapa memilih nama As-Suhuf?

As-Suhuf dipilih kerana ia mempunyai makna yang mendalam dalam konteks Islam. Dalam Bahasa Arab, 'As-Suhuf bermaksud lembaran-lembaran tulisan atau manuskrip-manuskrip suci, merujuk kepada wahu atau kitab suci yang diturunkan kepada para nabi.'

Nama As-Suhuf juga dipilih kerana :

Melambangkan perkhidmatan. As-Suhuf mencerminkan peranan mereka dalam menguruskan pelupusan bahan-bahan Islam seperti Al-Quran dengan penuh penghormatan.

Makna kesucian. As-Suhuf membawa konotasi kesucian dan penghormatan, sejajar dengan prinsip syariah yang menjadi asas kepada perkhidmatan mereka.

Identiti Islamik yang kukuh. As-Suhuf

memberikan identiti Islamik yang kuat, mencerminkan komitmen mereka terhadap nilai-nilai agama dan profesionalisme.

Inspirasi Al-Quran. As-Suhuf diambil daripada istilah yang disebut dalam Al-Quran, dalam Surah Al-A'la (87:18-19) : "Sesungguhnya ini benar-benar terdapat dalam suhuf-suhuf yang dahulu, (iaitu) suhuf-suhuf Ibrahim dan Musa".

Dengan memilih nama As-Suhuf, ianya akan menyerlahkan misi mereka untuk memelihara dan menghormati teks-teks suci Al-Quran dengan penuh amanah dan tanggungjawab. Setiap lembaran (suhuf) adalah penting kerana setiap lembaran Al-Quran atau buku agama berhak dihormati termasuk semasa proses pelupusan. Ini menggambarkan komitmen syarikat ini dalam menjaga dan memelihara kesucian Al-Quran serta buku-buku agama tersebut.

### Visi, misi

Dengan tertubuhnya Syarikat As-Suhuf, visi mereka adalah untuk menjadi penyedia utama perkhidmatan pelupusan Islam yang dipercayai dan mematuhi prinsip syariah. Dalam merealisasikan visi ini, syarikat As-Suhuf komited untuk memastikan setiap bahan suci dilupuskan mengikut ketetapan syariat Islam serta berusaha menyediakan perkhidmatan yang mudah, efisien dan selamat demi kesejahteraan masyarakat. Selain itu, mereka juga berperanan dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan pelupusan Islam yang betul agar amalan ini terus terpelihara sesuai dengan tuntutan agama.

### Objektif penubuhan

As-Suhuf ditubuhkan dengan beberapa objektif utama, antaranya :

Menyediakan khidmat pelupusan yang

betul bagi mushaf Al-Quran dan bahan agama.

Memastikan bahan-bahan suci dilupuskan dengan penuh penghormatan tanpa mencemarinya.

Mengurangkan pembuangan Al-Quran dan buku agama secara tidak terkawal.

Memudahkan masyarakat untuk melupuskan bahan-bahan tersebut tanpa rasa ragu-ragu.

### Proses pelupusan

1. Pengumpulan dan pemeriksaan : Semua bahan dikumpulkan dan diperiksa untuk pengasingan.

2. Pembakaran : Bahan dilupuskan dengan cara pembakaran sehingga menjadi abu.

3. Pengurusan sisa abu : Abu yang berhasil akan dibuang secara biasa setelah memastikan bahan telah betul-betul terbakar.

### Jadual pelupusan

Pelupusan dilakukan secara berkala tergantung kepada jumlah bahan yang terkumpul. Sebelum pelupusan dijalankan, pihak As-Suhuf perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak berkusa yang berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe).

### Manfaat perkhidmatan

Perkhidmatan ini memberi manfaat dengan memastikan ayat-ayat suci Al-Quran dan nama Allah dihormati melalui kaedah yang betul, mengelakkan pembuangan Al-Quran serta bahan agama di tempat yang tidak sesuai, dan menyediakan penyelesaian bagi masyarakat yang ingin melupuskan bahan agama secara patuh syariah.

### Harapan di masa akan datang

Dengan tertubuhnya Syarikat As-Suhuf,

mereka berharap agar lebih ramai masyarakat menyedari kepentingan pelupusan Islam yang betul dan seterusnya menjadikan perkhidmatan tersebut sebagai pilihan utama dalam pengurusan bahan-bahan suci Al-Quran. Selain itu, syarikat ini juga beraspirasgi untuk berkembang menjadi perkhidmatan pelupusan yang lebih besar dan dikenali di peringkat nasional serta antarabangsa.

### Cara menggunakan perkhidmatan

Kepada individu yang ingin mendapatkan perkhidmatan As-Suhuf, bolehlah membuat tempahan melalui laman sesawang rasmi <https://suhuf.carrd.co> atau menghubungi pihak syarikat melalui talian WhatsApp +673 8979637. Caj perkhidmatan adalah sebanyak BND4 per kilogram, dengan perkhidmatan pengambilan percuma di Daerah Brunei dan Muara (DBM). Manakala, caj tambahan dikenakan untuk kawasan luar DBM tergantung kepada jarak lokasi.

### Kesimpulan

As-Suhuf memainkan peranan penting dalam memastikan pelupusan mushaf Al-Quran dan bahan bercetak Islam dilakukan mengikut syariat yang ditetapkan. Dengan adanya perkhidmatan ini, masyarakat tidak lagi perlu berasa bimbang atau ragu-ragu dalam menguruskan bahan suci mereka dengan cara yang benar dan penuh penghormatan. Selain itu, perkhidmatan ini juga diharap akan terus berkembang dan memberi manfaat kepada umat Islam secara menyeluruh. Oleh itu, marilah kita sama-sama menjalankan tanggungjawab kita dalam memelihara keagungan Al-Quran dan jangan biarkan Al-Quran tersimpan lama dan hanya mengumpul debu di dalam stor.

## Syarat-syarat pelupusan



Membasuh tulisan dengan air lebih utama berbanding membakarnya, dan air basuhan tidak boleh dibuang ke tanah.



Membakar mushaf dengan niat untuk memuliakannya dibolehkan sekiranya ia merupakan satu-satunya cara untuk menjaga kehormatannya.



Dilarang melupuskannya dengan cara mengoyak atau mencarik kerana ia dianggap sebagai perbuatan tidak menghormati ayat-ayat suci.

# HOSPITAL PENGIRAN ISTERI HAJJAH MARIAM TERIMA SUMBANGAN 10 KERUSI RODA



Berita dan Foto : Ihsan Kumpulan Syarikat YMRM

**TEMBURONG**, Rabu, 26 Mac. - Kumpulan Syarikat YMRM (YMRM Group of Companies) pada hari ini telah meneruskan lagi aktiviti bulan Ramadan dengan menyampaikan sebanyak 10 buah kerusi roda ke Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam bagi

kegunaan rumah sakit berkenaan.

Penyerahan disempurnakan oleh Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat YMRM, Hitesh Ramesh Bhawnani dan Pengarah Perhubungan Awam Kumpulan Syarikat YMRM, Abdul Hamid Abas kepada Penyelia Pejabat, Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Awang Tamit bin Haji Nudin.

Sumbangan kerusi roda tersebut adalah salah satu aktiviti kemasyarakatan syarikat dalam bulan Ramadan bagi membantu individu dan organisasi yang memerlukan.

**PENYERAHAN** Sumbangan kerusi roda diterima oleh Penyelia Pejabat, Hospital Pengiran isteri Hajjah Mariam.

## Sentiasa waspada, peka terhadap produk import



BISKUT jenama Tim Tam keluaran Arnott's Biscuit Limited, Australia mengandungi daging tidak halal, manakala produk Layered Treat Without The Cheat Perisa Matcha Jenama MyProtein mengandungi kolagen daripada haiwan lembu yang mana sumber dan status halalnya adalah diragui (kanan dan kiri).

Siaran Akbar dan Foto :Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 Mac. – Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) ingin memaklumkan bahawa aduan telah diterima oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal mengenai produk makanan iaitu biskut jenama Tim Tam keluaran Arnott's Biscuit Limited, Australia dan Produk Layered Treat Without The Cheat Perisa Matcha Jenama MyProtein.

Oleh yang demikian, bagi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di negara ini, JHES ingin memaklumkan kepada pemilik perniagaan yang menjual produk-produk makanan tersebut di premis-premis mereka untuk segera diasingkan dan dijual di ruangan yang tidak terdedah kepada orang awam.

Sehubungan itu, KHEU juga ingin mengingatkan kepada pemilik, pengurus, pengusaha, peniaga, pembekal dan pengimport produk dan barang gunaan di negara ini supaya sentiasa berwaspada dan lebih peka terhadap produk-produk

mengandungi kolagen daripada haiwan lembu yang mana sumber dan status halalnya adalah diragui, memandangkan produk tersebut tiada pengiktirafan halal daripada Badan Pensijilan Halal yang diiktiraf.

Ini demi menjaga maslahat masyarakat Islam di negara ini dari terjebak mengambil dan menggunakan produk dan barang gunaan yang tidak halal.

Di samping itu, KHEU mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada orang ramai di atas maklumat berhubung perkara tersebut dan bagi yang ingin membuat aduan serta perkongsian maklumat mengenai penjualan produk-produk tidak halal secara terbuka di premis-premis perniagaan bolehlah dibuat terus ke JHES



melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal dengan menghubungi talian Hotline

+673 7166222 atau mana-mana pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah.



**PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

- Kelulusan Pendidikan Tinggi**  
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**  
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolahan**  
bagi peminoh yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja.



**PANDUAN HUATNAIK DOKUMEN**

- Maklumat Peribadi**  
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Memandu**
- Kelulusan Pendidikan Tinggi**  
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
- Tamat Persekolahan**  
(Sijil berhenti Sekolah)



**ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?**

**BARU**

**PANDUAN PENGALAMAN KERJA**

- Pengalaman Kerja Kerajaan**  
menandakan “✓” pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
- Pengalaman Kerja Swasta**
- Pengalaman Kerja Beruniform**
- Pengalaman Bekerja Sendiri**
- Penempatan Kerja**
- Tidak Bekerja**



**PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL**

- Kelayakan Profesional**
- Peperiksaan Kesetiausahaan**
- Kemahiran Bahasa**
- Lain-Lain Kemahiran**



**PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS**

- Peperiksaan Kerajaan**
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)**
- Kursus Induksi Perkhidmatan Awam**
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)**
- Program Pembangunan Eksekutif**





# PRESIDEN MACRON LAWAT INDONESIA MEI INI SEMPENA ULANG TAHUN KE-75 HUBUNGAN DIPLOMATIK

JAKARTA, 26 Mac. - Presiden Perancis Emmanuel Macron dijadual mengadakan lawatan negara ke Indonesia pada Mei ini bagi memperingati ulang tahun ke-75 hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

Lawatan itu dibincangkan dalam pertemuan antara Menteri Luar Indonesia, Sugiono dan Menteri Eropah dan Hal Ehwal Luar Perancis, Jean-Noël Barot di Jakarta Pusat pada Rabu.

Kedua-dua menteri membincangkan perancangan lawatan itu serta memperkuhuhubungan dua hala dalam bidang utama seperti peralihan tenaga, keselamatan makanan, pertahanan, transformasi digital dan pertukaran budaya.

"Kami bersetuju bahawa hasil kerjasama ini harus bersifat nyata, memberi impak, dan melibatkan semua pihak berkepentingan bagi

memperkuhuhubungan dua hala," kata Sugiono dalam satu kenyataan bersama.

Dalam aspek ekonomi, beliau memaklumkan bahawa pelaburan Perancis di Indonesia menunjukkan peningkatan positif, mencecah AS\$328 juta tahun lepas.

Kedua-dua negara turut mengenal pasti peluang kerjasama lebih luas dalam sektor tenaga boleh baharu, mineral kritikal, industri kreatif, logistik, pengangkutan dan infrastruktur hijau.

"Kami juga bersetuju untuk memperkuhuhkerjasama dalam ekonomi digital dan sektor kreatif, khususnya dalam membangunkan

ekosistem digital serta menyediakan latihan bagi bakat baharu, termasuk dalam industri profileman," katanya.

Dalam sektor pertahanan, kedua-dua negara bersetuju mengadakan dialog 2+2 antara Menteri Luar dan Menteri Pertahanan masing-masing bagi membincangkan isu keselamatan serantau dan global.

Kedua-dua pihak turut mengalu-alukan misi latihan ketenteraan Tentera Laut Perancis, La Pérouse, yang diadakan awal tahun ini di rantau Indo-Pasifik.

Indonesia menyampaikan penghargaan atas keputusan Parlimen Perancis yang meluluskan Perjanjian Kerjasama

Pertahanan dan menegaskan komitmen untuk memperkuhuhubungan dalam bidang itu.

"Kami mengakui bahawa kerjasama maritim amat penting dalam memastikan Indo-Pasifik yang stabil, aman dan makmur," kata Sugiono.

Kedua-dua menteri turut membincangkan usaha keamanan global, dengan Sugiono

mengucapkan terima kasih atas sokongan berterusan Perancis terhadap inisiatif keamanan di Palestin.

Berhubung konflik di Ukraine, Indonesia sekali lagi menekankan gesaan agar penyelesaian secara damai dicapai menerusi dialog terbuka dan pendekatan multilateralisme yang inklusif.

- ©BERNAMA

## AS, Rusia bincang larangan serangan ke atas infrastruktur tenaga, keselamatan laut hitam

WASHINGTON, 26 Mac. - Amerika Syarikat (AS) dan Rusia dalam perbincangan terkini di Riyadh bersetuju merangka langkah bagi melaksanakan perjanjian antara Presiden Donald Trump dan Presiden Vladimir Putin untuk mlarang serangan ke atas infrastruktur tenaga di Rusia dan Ukraine, menurut kenyataan Rumah Putih.

"AS dan Rusia bersetuju menyediakan langkah bagi melaksanakan perjanjian Presiden Trump dan Presiden Putin untuk mlarang serangan ke atas kemudahan tenaga di Rusia dan Ukraine," lapor Sputnik memetik kenyataan itu.

AS dan Ukraine turut bersetuju untuk bekerjasama dalam usaha itu, menurut Rumah Putih dalam kenyataan berasingan mengenai hasil perbincangan kumpulan pakar AS dan Ukraine di Riyadh.

Perbincangan di Arab Saudi itu diteruskan pada Isnin dan membawa kepada perkembangan penting lain iaitu persetujuan untuk memastikan keselamatan maritim di Laut Hitam.

Menurut Rumah Putih, kedua-dua pihak komited untuk menjamin keselamatan pelayaran, mengharamkan penggunaan kekerasan serta mencegah penggunaan kapal dagang bagi tujuan ketenteraan di rantau Laut Hitam.

"AS dan Rusia bersetuju untuk memastikan keselamatan pelayaran, menghapuskan penggunaan kekerasan, dan mencegah penggunaan kapal dagang bagi tujuan ketenteraan di Laut Hitam," menurut kenyataan itu.

Selain itu, kedua-dua negara mencapai kata sepakat mengenai langkah menyokong penyertaan semula Rusia dalam pasaran pertanian dan baja global.

AS bersetuju membantu memulihkan akses Rusia ke pasaran antarabangsa, termasuk mengurangkan kos insurans maritim serta menambah baik akses pelabuhan dan sistem pembayaran bagi transaksi berkaitan. - ©BERNAMA

## EU bakal perkenalkan lesen memandu digital menjelang 2030

ISTANBUL, 26 Mac. - Kesatuan Eropah (EU) akan menerima arahan menjelang akhir 2030 untuk memperkenalkan lesen memandu digital yang boleh diakses melalui telefon mudah alih atau peranti digital lain, umum Suruhanjaya Eropah pada Selasa.

Arahan yang dikemas kini itu juga akan menyemak piawaian kesesuaian pemandu minimum di seluruh negara anggota EU dan mengharmonikan tempoh percubaan untuk pemandu baharu, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Menurut Suruhanjaya, peraturan baharu itu bertujuan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya dan meringankan beban pentadbiran untuk rakyat dan pihak berkuasa.

Ciri utama kemas kini itu termasuk pelancaran program pemanduan iringan seluruh EU untuk individu berumur 17 tahun ke atas, langkah yang terbukti meningkatkan keselamatan jalan raya.

Mereka yang lebih suka versi fizikal lesen mereka masih boleh mendapatkannya. Jika lesen itu juga berfungsi sebagai kad pengenalan, ia akan sah selama 10 tahun. Bagi mereka yang menggunakan semata-mata sebagai permit memandu untuk kereta dan motosikal, tempoh sahnya adalah 15 tahun.

"Peraturan lesen memandu yang dikemas kini ini menandakan langkah utama ke hadapan dalam memodenkan sistem pelesenan kami dan meningkatkan keselamatan jalan raya di seluruh EU," kata Pesuruhjaya Pengangkutan Apostolos Tzitzikostas.

Beliau berkata: "Daripada lesen digital kepada sokongan untuk pemandu muda, perjanjian ini menjadikan mobiliti lebih selamat dan cekap, membantu kita bergerak lebih dekat kepada matlamat Wawasan Sifar kita iaitu sifar kematian di jalan raya". - ©BERNAMA

## Populasi penyu agar kian terancam, kesan domino tingkat kadar kematian penyu jantan

KUALA TERENGGANU, 26 Mac. - Sebanyak 20 kes kematian penyu spesies agar direkodkan Jabatan Perikanan Terengganu antara Januari hingga Mac tahun ini, sekali gus menunjukkan situasi itu berada pada tahap sangat membimbangkan.

Pengurus Projek Pemuliharaan Penyu di Pantai Chakar Hutan, Kemaman dari Persatuan Pemuliharaan dan Kajian Marin Malaysia (PULIHARA) Wan Zuriana Wan Sulaiman berkata tiga bangkai penyu agar jantan dijumpai terdampar di pesisiran pantai berkenaan dalam tempoh kurang 31 jam, dan seekor daripada penyu itu mempunyai kesan luka diperdayai tersangkut pada pukat pari milik nelayan.

Beliau berkata kekurangan penyu jantan tidak boleh dipandang enteng kerana ia antara faktor utama ancaman kepada kelangsungan populasi penyu.

"Keadaan ini akan menyebabkan proses persenyawaan rendah dalam kalangan penyu betina dan tanpa proses itu, penyu betina yang memiliki telur matang tetap akan naik ke darat untuk bertelur, namun hanya menghasilkan telur yang tiada perkembangan untuk menetas ataupun dikenali sebagai undeveloped eggs.

"Inilah yang berlaku pada penyu belimbing di Rantau Abang, Dungun yang disyiharkan pupus secara fungsi pada 2008. Ketiadaan penyu belimbing jantan yang subur atau matang pulang ke lokaliti asal mereka untuk proses mengawan telah menjelaskan proses persenyawaan telur penyu belimbing betina," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Wan Zuriana berkata masih ada penyu belimbing di tempat lain tetapi penyu itu hanya akan kembali ke tempat mereka dilepaskan ke laut suatu masa dahulu, manakala penyu dari kawasan lain tidak akan datang ke Rantau Abang kerana bukan lokaliti mereka.

Beliau berkata tatkala pelbagai

usaha konservasi dilakukan bagi memastikan kelangsungan populasi penyu spesies agar, namun situasi sebaliknya pula yang berlaku apabila angka kematian menunjukkan peningkatan, dengan sembilan kes direkodkan pada Mac berbanding lima (Februari) dan enam (Januari).

"Situasi kali ini jauh berbeza pada tahun sebelumnya yang hanya mencatatkan lima kematian reptilia itu bagi tempoh lima bulan, sekali gus bagaikan memberi satu 'isyarat jelas' bahawa populasi penyu agar kian terancam, apakah lagi kebanyakan yang mati itu penyu jantan.

"Tambah membimbangkan, cuaca panas yang dialami di seluruh negara ketika ini turut memberi impak kepada kemandirian penyu apabila mengakibatkan penghasilan induk jantan yang rendah setelah persenyawaan berlaku melalui telur yang ditetaskan di kebanyakan pusat konservasi hidupan marin itu," katanya.

Wan Zuriana berkata langkah konservasi penyu agar tidak boleh diambil mudah bagi mengelak episod kepupusan penyu belimbing turut berlaku kepada penyu spesies lain, terutama ketidaadaan reptilia itu di lautan berisiko menjelaskan keseimbangan ekosistem laut dan sekuriti makanan.

Beliau berkata kesan domino yang berlaku susulan kepupusan penyu belimbing menyebabkan peningkatan populasi ubur-ubur yang berisiko merencatkan pertumbuhan dan pemberian ikan pada masa akan datang, sekali gus menjelaskan jumlah ikan untuk sekuriti makanan negara.

"Apabila tiada pemangsa puncak atau apex predator (penyu belimbing), ubur-ubur semakin membiaki dan peningkatan suhu global mempercepatkan lagi pemberian ikan. Keadaan ini tentunya akan memberi kesan kepada sekuriti makanan untuk manusia.

"Selain itu, peningkatan ubur-ubur akan mengganggu

industri pelancongan negara terutamanya di kawasan pulau yang mungkin terpaksa ditutup sementara. Contohnya, kes penemuan ubur-ubur api atau Portuguese Man O Wardi beberapa pulau di Terengganu yang berisiko membawa maut," katanya.

Justeru, PULIHARA bertekad untuk memastikan kelangsungan khazanah marin penyu agar di Pantai Chakar Hutan tidak berdepan nasib sama seperti mana penyu belimbing, dan antara tindakan adalah dengan melakukan rondaan di sepanjang 1.4 kilometer pesisir pantai berkenaan.

Wan Zuriana berkata rondaan itu bertujuan mencari penyu agar betina yang mendarat di pesisir pantai untuk bertelur sebelum memindahkannya ke pusat penetasan, selain itu pihaknya turut membuat program pendidikan luar melibatkan pelajar sekolah dan komuniti setempat.

Beliau berkata program itu mendidik orang ramai mengenai kepentingan untuk memastikan kelangsungan populasi khazanah marin yang menjadi ikon penting Terengganu berkenaan kerana tahap kesedaran pemuliharaan penyu masih lagi rendah dalam kalangan masyarakat.

"Masih ramai tidak boleh kaitkan kenapa penting menjaga penyu, apa akan terjadi sekiranya penyu pupus. Kami juga ingin tekankan agar menghentikan penjualan atau makan telur penyu kerana ini semua akan mempercepatkan lagi kepupusan penyu kita."

"Pada masa sama, kami harapkan kerjasama semua pihak terutamanya nelayan untuk tidak menggunakan pukat pari dan pukat tunda kerana ia berbahaya kepada penyu," katanya.

Wan Zuriana berkata PULIHARA turut memantau penyu agar dan penyu karah yang kini tersenarai sebagai sangat terancam di Pulau Lang Tengah dan Pantai Tanjung Jara, Dungun. - ©BERNAMA

# UK NASIHATKAN WARGANYA SUPAYA KELUAR DARI SUDAN SELATAN



LONDON, 28 Mac. - United Kingdom (UK) pada Khamis menasihatkan warganya di Sudan Selatan supaya meninggalkan negara itu jika mereka boleh berbuat demikian, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Nasihat daripada Pejabat Luar, Komanwel dan Pembangunan (FCDO) itu dikeluarkan sehari

selepas jumlah petugas kedutaannya di ibu negara, Juba, dikurangkan buat sementara waktu susulan "risiko peningkatan situasi tidak selamat."

"FCDO menasihatkan supaya tidak melakukan sebarang perjalanan ke Sudan Selatan kerana risiko keganasan dan jenayah bersenjata. Jika anda

berada di Sudan Selatan dan menilai adalah selamat untuk berbuat demikian, anda harus meninggalkan negara itu sekarang," menurut kenyataan itu.

Kedutaan UK di Juba masih beroperasi untuk melaksanakan tugas penting, namun bantuan konsul kepada warganegara

Britain di negara Afrika Timur itu adalah sangat terhad.

Pejabat Luar UK turut memaklumkan bahawa bantuan

konsul secara bersemuka tidak dapat disediakan pada masa ini. - ©BERNAMA

## Korea Selatan pindahkan khazanah negara ke lokasi selamat susulan kebakaran hutan

SEOUL, 27 Mac. - Khazanah negara dan artifak budaya telah dipindahkan ke lokasi lebih selamat susulan kebakaran hutan yang terus merebak kekawasan tenggara Korea Selatan, lapor Agensi Berita Yonhap.

Perkhidmatan Warisan Korea memaklumkan bahawa sehingga pukul 9 pagi Rabu, sebanyak 15 artifak bersejarah, termasuk blok kayu percetakan dan lukisan Buddha, telah dipindahkan daripada kuil utama seperti Kuil Bongjeong di Andong dan Kuil Buseok di Yeongju, kedua-duanya terletak di Wilayah Gyeongsang Utara.

Kuil-kuil ini merupakan sebahagian daripada tujuh biara Buddha yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan bangsa - Bangsa Bersatu (UNESCO) di bawah kategori 'Sansa, Biara Gunung Pengant

Buddha di Korea.'

Daripada 15 artifak yang dipindahkan, 10 daripadanya diklasifikasikan sebagai khazanah negara, termasuk patung batu Buddha duduk daripada Kuil Goun di Uiseong yang kini musnah, selain lima lagi item warisan budaya ketara.

Agensi kerajaan itu telah mengenal pasti lapan kes kerosakan akibat kebakaran setakat ini, namun penilaian lebih terperinci akan dijalankan.

Berdasarkan pemeriksaan di tapak awal hari ini, agensi itu mengesahkan bahawa dua khazanah - Dewan Yeongsu dan Pavilion Gaunu di Kuil Goun - musnah sepenuhnya dalam kebakaran. Daripada 30 bangunan di kuil purba itu, hanya sembilan terselamat daripada dijilat api.

Menurut Perkhidmatan Warisan Korea, sehingga pukul 5 petang Rabu, sebanyak 15 artifak warisan

telah rosak akibat kebakaran, merangkumi 11 yang diiktiraf sebagai warisan negara dan empat lagi sebagai warisan perbandaran atau wilayah.

Kerosakan ini tertumpu di Uiseong, Andong dan Cheongsong, di bahagian utara Wilayah Gyeongsang Utara - kawasan yang paling teruk terjejas akibat kebakaran.

Sebagai langkah perlindungan, beberapa artifak telah dililiti tarpal kalis api, termasuk Geungnakjeon di dalam Kuil Bongjeong, yang dipercayai sebagai bangunan kayu tertua di Korea Selatan.

Pihak berkuasa turut bersiap siaga bagi kemungkinan kerosakan terhadap dua Tapak Warisan Dunia UNESCO - Kampung Hahoe dan Byeongsan Seowon - yang terletak di Andong, memandangkan kebakaran semakin menghampiri kawasan itu. - ©BERNAMA

## Dewan Perwakilan Filipina secara rasmi maklumkan Duterte mengenai prosiding pendakwaan

MANILA, 27 Mac. - Dewan Perwakilan Filipina secara rasmi menyerahkan notis kepada Pejabat Naib Presiden (OVP) pada Rabu bagi memaklumkan Naib Presiden Sara Duterte mengenai prosiding pendakwaan yang dimulakan terhadapnya, lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Menurut satu kenyataan, dokumen 'Entry with Motion to Issue Summons' itu diterima oleh OVP pada pukul 11.20 pagi Rabu di pejabatnya di Tingkat 11, Robinsons Cybergate Plaza, Mandaluyong City.

Dokumen itu, yang diterima oleh Senat pada Selasa, meminta Presiden Senat Francis Escudero mengeluarkan writ saman kepada Duterte, mengarahkannya untuk memberi maklum balas terhadap aduan pendakwaan yang telah disahkan dalam tempoh 10 hari selepas penerimaan.

Timbalan Ketua Majoriti Dewan

Perwakilan, Lorenz Defensor mempertahankan keputusan panel pendakwaan untuk memohon writ saman, dengan menegaskan bahawa ia selaras dengan undang-undang dan Peraturan Senat berhubung perbicaraan pendakwaan.

"Kami sentiasa menghormati Presiden Senat sebagai hakim yang mempunyai mahkamah pendakwaan. Kami hanya akan melaksanakan proses yang sah berdasarkan peraturan pendakwaan sedia ada," katanya dalam satu temu bual radio.

Beliau mengakui bahawa Duterte kini berada di The Hague, Belanda, di mana bapanya, bekas Presiden Rodrigo Duterte, sedang ditahan berhubung pertuduhan yang dihadapinya di Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC).

Bagaimanapun, Defensor menegaskan bahawa Sara

Duterte tetap bertanggungjawab terhadap prosiding pendakwaan yang sedang berlangsung.

"Sebagai Naib Presiden, walaupun anda mempunyai seorang ayah untuk dijaga, anda juga mempunyai sebuah negara yang perlu diutamakan serta perlu memastikan anda bertanggungjawab atas tindakan anda," katanya.

Aduan pendakwaan itu, yang disokong oleh 215 ahli Dewan Perwakilan, telah dihantar ke Senat pada 5 Feb, selaras dengan Seksyen 3, Artikel 11 Perlembagaan Filipina.

Seksyen itu menetapkan bahawa apabila aduan yang telah disahkan dikemukakan oleh sekurang-kurangnya satu pertiga daripada keseluruhan ahli Dewan Perwakilan, ia akan menjadi Artikel Pendakwaan, dan Senat akan meneruskan perbicaraan. - ©BERNAMA

WASHINGTON, 27 Mac. - Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump pada Rabu mencadangkan beliau mungkin menawarkan China 'sedikit pengurangan tarif' sebagai pertukaran untuk kelulusan Beijing terhadap penjualan platform video pendek popular TikTok, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Bercakap kepada wartawan di Pejabat Oval, Trump menyatakan bahawa China 'mungkin' perlu memainkan peranan dalam bentuk kelulusan, dan beliau percaya mereka akan berbuat demikian.

"Mungkin saya akan memberikan mereka sedikit pengurangan tarif atau sesuatu bagi menyelesaiannya," katanya, sambil menambah bahawa 'setiap peratusan dalam tarif lebih bernilai berbanding TikTok'.

Di bawah undang-undang AS, syarikat induk TikTok yang berpusat di China, ByteDance dikehendaki melepaskan kepentingannya dalam aplikasi itu sebelum 19 Januari atau berdepan larangan operasi.

Bagaimanapun, Trump telah memberikan tempoh tangguh selama 75 hari yang akan berakhir pada 5 April. Beliau kini menyatakan bahawa tarikh akhir itu boleh dilanjutkan, walaupun tiada asas undang-undang bagi langkah sedemikian.

Naib Presiden AS, JD Vance, baru-baru ini menyatakan keyakinan bahawa penyelesaian mengenai masa depan TikTok di AS akan dicapai menjelang awal April.

ByteDance dan TikTok sebelum ini menegaskan bahawa menjual hanya bahagian aplikasi itu di AS akan menjelaskan fungsinya secara keseluruhan.

"Terdapat banyak cara anda boleh membeli TikTok, dan kami akan mencari penyelesaian terbaik untuk negara ini," kata Trump. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## PELAJAR ISB RAIH 79 PINGAT DALAM SUKAN FOBISIA

Siaran Akbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Mac. – Atlet pelajar dari Sekolah Antarabangsa Brunei (International School Brunei-ISB) telah memperkenalkan prestasi luar biasa pada Under-13 Federation of British International Schools in Asia (FOBISIA) Games 2025 baru-baru ini di Pattana Sports Resort di Thailand, dengan meraih 79 pingat, termasuk 17 emas, 37 perak dan 25 gangsa, dengan setiap atlet pasukan ISB memperoleh sekurang-kurangnya satu pingat.

Seramai 21 pelajar ISB, iaitu 16 dari ISB's Bandar campus dan lima dari ISB Seria telah bertanding pada kejohanan tersebut, yang berlangsung dari 17 hingga 21 Februari 2025.

Kontingen ISB terdiri daripada atlet bawah 13 tahun di sekolah tersebut serta tiga guru pengiring.

Kejohanan ini melibatkan kedua-dua aktiviti individu dan sukan berpasukan, dengan peserta bertanding dalam acara olahraga, bola keranjang, bola sepak dan

renang. Acara berkenaan menyaksikan atlet pelajar ISB bertanding dengan sekolah antarabangsa lain dari Asia.

"Dalam dua acara pertama, kami menunjukkan bahawa kami telah bersedia dan berazam untuk mencapai potensi penuh kami.

"Pada awal hari kedua, semua telah beroleh pingat. Ini adalah pencapaian yang sentiasa kami idam-idamkan, ia memupuk semangat dan mempereratkan hubungan dalam pasukan," kata Guru Pendidikan Jasmani di ISB, David Mark Evans.

Menurutnya lagi, memikirkan keputusan akhir kami, pasukan dan jurulatih sangat gembira dengan persembahan keseluruhan mereka, dan terutamanya sikap dan semangat yang ditunjukkan pasukan sepanjang masa.

Kejohanan FOBISIA adalah pertandingan sukan tahunan selama tiga hari yang melibatkan sekolah antarabangsa di Asia. Ia memberi



SESI bergambar ramai pada Under-13 Federation of British International Schools in Asia (FOBISIA) Games 2025 yang diadakan di Pattana Sports Resort di Thailand.

peluang kepada pelajar untuk bersaing di pentas antarabangsa menentang atlet lain dari sekolah antarabangsa di rantau ini.

## Piala Dunia Istaf 2025 : Ahmad Jais kecewa pasukan lelaki gagal capai sasaran

**KUALA LUMPUR**, 28 Mac. - Ketua jurulatih skuad sepak takraw lelaki negara, Ahmad Jais Baharun mengakui kecewa dengan persembahan ditampilkan anak buahnya apabila gagal mencapai sasaran ditetapkan di Piala Dunia Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa (ISTAF) di Bihar, India, yang berakhir Selasa lepas.

Ahmad Jais berdasarkan post mortem yang dilakukan barisan kejurulatihan semalam, masih banyak aspek yang perlu diperbaiki oleh pemain terutama menjelang Piala Asia yang akan berlangsung pada 9-18 Mei 2025 di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur.

"Bagi saya, memang kecewa apabila skuad double dan quadrant kita gagal melepas sasaran yang ditetapkan iaitu layak ke final. Berdasarkan post mortem yang kita buat beberapa elemen dalam permainan seperti servis dan serangan kita masih kurang dan perlu diberi penekanan khusus."

"Jadi benda-benda ni semua kita ambil sebagai satu perkara penting untuk kita

perbaiki daripada semasa ke semasa selain meningkatkan lagi kualiti pemain kita sebelum turun beraksi di gelanggang Piala Asia nanti," katanya kepada Bernama.

Sebelum ini skuad sepak takraw lelaki negara menamatkan saingan Piala Dunia ISTAF 2025 dengan membawa pulang satu gangsa dalam acara *double* selepas tewas disepuh akhir kepada seteru utama Thailand.

Bagi acara *quadrant* pula skuad negara gagal melepas peringkat kumpulan selepas menamatkan saingan di tempat ketiga di belakang Viet Nam dan Myanmar.

Pada edisi kali ini, Malaysia tidak menyertai kategori regu memandangkan acara itu hanya disertai oleh pasukan yang mendapat jemputan tuan rumah.

Sementara itu, ketika diminta mengulas persembahan memukau tuan rumah yang mencipta kejutan memenangi acara regu lelaki, Ahmad Jais mengakui sukan sepak takraw kini mula berkembang pesat di

India.

Justeru, beliau berkata negara gergasi sepak takraw dunia perlu berwaspada dengan India yang dilihat mampu menjadi kuasa besar sukan itu pada masa akan datang.

"Kalau kita tengok India antara negara yang semakin serius dalam sukan sepak takraw dan ia dibuktikan apabila mereka memenangi acara regu lelaki.

"Jadi negara besar sepak takraw seperti Malaysia tidak boleh terlalu selesa dengan apa yang kita miliki sekarang dan perlu mempergiatkan usaha untuk meningkatkan mutu permainan," katanya.

Terdahulu, India mencipta sejarah apabila memenangi Piala Dunia ISTAF buat kali pertama selepas menewaskan Jepun 2-1 pada perlawanan akhir yang berlangsung Selasa lepas. - ©BERNAMA

## Tahukah Awda

**B**AGI perniagaan hotel, rumah tumpangan dan rumah penginapan, perniagaan awda hendaklah berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Sementara perniagaan Inap Desa (*home stay*), perniagaan awda hendaklah berdaftar dengan Pegawai Daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di mana ia akan dijalankan.

SUMBER : [business.mofe.gov.bn](http://business.mofe.gov.bn)

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BERBELANJA DENGAN BERHEMAH UNTUK KEPERLUAN HARI RAYA AIDILFITRI